

# **SELAGI ADA PEREDARAN CAKERAWALA, MATAHARI DAN BULAN: KEDAULATAN INSTITUSI BERAJA DI MALAYSIA**

Oleh  
Abdullah Zakaria bin Ghazali  
Felo Persatuan Sejarah Malaysia

## **Abstrak**

Manuskrip Melayu banyak membekalkan maklumat Institusi Beraja di Malaysia. Pelbagai aspek termasuk asal usul, pengasasan, pentadbiran dan politik, hubungan luar, dan adat istiadat dapat disingkap daripada manuskrip Melayu. Justeru, seminar dan tajuk ini menaruh harapan tinggi, dapat berkongsi pengetahuan berkaitan, dan semoga kedaulatan dan institusi raja terus kekal di alam fana, jagat raya selagi ada peredaran cakerawala, matahari, bulan dan bintang. Institusi Raja Melayu terus dirgahayu memayungi warga Malaysia, menjaga keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan. Raja Pemerintah meneruskan ungkapan klasik, raja sebagai wakil Allah di bumi, memiliki tuah, dikenali sebagai daulat. Apabila daulat bersebat pada tubuh raja, punca segala kuasa berada pada diri baginda. Oleh itu titah tidak boleh dikata salah, dan sifatnya tidak mangkat. Dengan merujuk manuskrip Melayu, rekod rasmi negeri Melayu, Persekutuan yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, dan rekod rasmi British yang tersimpan di Arkib Nasional United Kingdom, London, kertas ini mengupas daulat dan kedaulatan institusi raja. Sekaligus diharapkan warga Malaysia dapat menilai betapa penting institusi raja ini dalam jati diri, keharmonian, keamanan dan kesejahteraan Malaysia.

Kata kunci: Daulat dan Institusi Raja Melayu

## **Pendahuluan**

Pada hari ini Malaysia memiliki Sembilan Raja Melayu (Perlis, Kedah, Perak, Negeri Selangor, Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan), empat Tuan Yang Terutama (Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah). Sementara itu, Ketua Negara ialah Yang di-Pertuan Agong, dipilih oleh Majlis Raja, salah seorang daripada baginda, memegang jawatan tersebut selama lima tahun. Institusi Raja Melayu memakai gelaran berbeza: Sultan untuk Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan; Raja bagi Perlis, dan Yang di-Pertuan Besar bagi Negeri Sembilan. Berbeza gelaran, tetapi seragam kuasa dan kuasa dalam negeri masing-masing. Raja adalah berdaulat dan punca segala kuasa dalam negeri masing-masing. Raja dan institusi raja mengalami perubahan apabila British terlibat dalam pentadbiran sejak 1874 sehingga 1942, dan Jepun menduduki Tanah Melayu pada 1942 hingga 1945, pentadbiran tentera British 1945 hingga 1946, pentadbiran Malayan Union 1946 hingga 1948. Pada 1948, Raja masing-masing negeri, Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan menandatangani perjanjian bersetuju bersama Pulau Pinang dan Melaka membentuk Persekutuan.

Dengan itu pada 1948 juga, Sembilan Raja Melayu menurunkan tandatangan dan cap masing-masing, bersama wakil kerajaan baginda raja di atas Perjanjian Persekutuan. Persekutuan dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu (dalam Bahasa Inggeris Federation of Malaya) menjadi kenyataan pada 1 Februari 1948. Pentadbiran kerajaan Persekutuan berpandukan syarat Perjanjian 1948. Raja terus berdaulat, tetapi Persekutuan Tanah Melayu tidak memiliki kedaulatan. Raja Melayu bersama pertubuhan pelbagai, khususnya United Malays National Organization atau UMNO menuntut kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu daripada kerajaan baginda raja. Pada 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu mendapat semula kedaulatan, dan menyambut kemerdekaan. Seiring dengan kemerdekaan ini, Perlembagaan Persekutuan 1957 diisyiharkan, dan menjadi punca perundungan serta pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu. Sekaligus Persekutuan Tanah Melayu lahir sebagai sebuah negara berdaulat, Raja Berpelembagaan.

### **Selagi ada Peredaran Cakerawala, Matahari dan Bulan**

Pernyataan “selagi ada peredaran cakerawala, Matahari dan Bulan”, tidak tercatat dalam manuskrip Melayu. Pernyataan ini terdapat dalam warkah raja Melayu, dan Perjanjian Kedah-Kompeni Inggeris 1791. Selagi ada peredaran cakerawala, matahari, bulan dan bintang adalah ungkapan dan kata yang mempunyai makna dalam kalangan masyarakat Melayu, khususnya gologan raja. Dalam institusi raja Melayu, Raja diibaratkan sebagai matahari, bulan dan bintang. Dengan itu selagi peredaran atau perkitaran cakerawala, matahari, bulan dan bintang bermakna cahaya akan ikut sama beredar dan berkitar. Oleh itu Raja diumpamakan matahari kerana sifat Raja itu memberi cahaya dan menerangi kehidupan rakyat baginda. Dalam pada itu bulan dan bintang pula, wajah Raja berseri-seri dipandang, dan menyegarkan segala tumbuhan.<sup>1</sup>

Ungkapan dan kata-kata “selagi ada peredaran atau perkitaran cakerawala, matahari, bulan dan bintang” menjadi salah satu kaedah penulisan warkah Raja Melayu. Namun begitu terdapat juga pernyataan “...salim serta muafakat tulus dan ikhlas berkasih-kasihan yang tiada berputusan selagi ada perkitaran cakrawala, matahari dan bulan...”.<sup>2</sup> Selain itu, “Surat kasih sayang tulus ikhlas berkasih-kasihan yang tiada berkesudahan selagi ada perkitaran cakrawala matahari dan bulan...”.<sup>3</sup> Jika Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah menggunakan ungkapan “selagi ada perkitaran”, Sultan Mansur Perak menggunakan “selagi ada cakrawala matahari dan bulan”.<sup>4</sup> Dalam surat Yand Dipertuan Muda Riau tercatat ungkapan “...selagi ada peredaran cakrawala, matahari dan bulan;...”.<sup>5</sup> Begitu juga dalam surat Sultan Mahmud Johor dan Pahang kepada Thomas Raffles tercatat ungkapan “...surat tulus dan ikhlas serta suci putih hati yang tiada berhingga dan kesudahan selagi ada peredaran cakrawala matahari dan bulan...”.<sup>6</sup>

Ungkapan sama makna “...dan selagi adalah bergerak dan bercahaya matahari dan bulan...” tercatat pada “Mukadimmah” perjanjian Kedah dengan Kompeni Hindia Timur Inggeris pada 1791.<sup>7</sup> Pernyataan ini ditafsirkan ramai pelajar, peminat sejarah dan peneliti perjanjian sebagai penyerahan Pulau Pinang selama-lamanya, selagi bergerak, bercahaya matahari dan bulan. Padahal jelas dinyatakan, selagi ada cahaya matahari dan bulan itu adalah perdamaian dan persahabatan Kompeni dengan Yang

di-Pertuan Kedah, Orang Besar dan Rakyat dua negeri hidup aman darat dan laut berterusan selagi ada cahaya matahari dan bulan.<sup>8</sup> Mukadimah Perjanjian ini antara lain mencatatkan, "Govnor di-Pulau Pinang pehak sa-belah dari Kampeni Inggeris sudah berjanji dan memutuskan kahul sama dulu Raaja Muda Perlis dan Kedah dan segala Menteri2 dan Dato'2 yang dua buah negeri itu bersahabat atau di-laut atau di-darat selama dan sa-lagi ada-lah bergerak dan berchahaya matahari dan bulan dan fasal perjanjian dan kaul ini mengikut saperti yang tersebut di-bawah surat ini."<sup>9</sup> Perjanjian ini dimeterai di atas semangat Perdamaian dan Persahabatan dua buah negeri, Pulau Pinang dan Kedah.

### **Manuskrip Melayu dan Institusi Beraja**

Institusi Beraja boleh diterokai dalam manuskrip Melayu. *Sulalatus Salatin* atau lebih dikenali sebagai *Sejarah Melayu* membekalkan antaranya, asal usul Raja Melaka, tahun pengasasan kerajaan Melaka 1262, institusi termasuk perajaan Melaka, keagungan Melaka dan kemerosotan serta kerjatuhan empayar Melaka. Juga mengisahkan Sultan Muhammad, putera Sultan Mansur sebagai pengasas Kesultanan Pahang. *Hikayat Hang Tuah*<sup>10</sup> pula menyatakan tentang hebatnya kerajaan Melayu Melaka. Dalam usaha menyatakan kehebatan Melaka ini dikemukakan Orang Besar Melaka, bergelar Laksamana, dan bernama Hang Tuah. Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis 1511, tidak menamatkan empayar Melaka. Pesat kerajaan Melaka berpindah ke Kota Kara dan Kota Kota Kopak, sebelum berpindah lagi ke Kampar akibat serangan angkatan Portugis pada 1526. Pusat kerajaan Melaka ini bertahan dua tahun. Apabila Sultan Mahmud mangkat dikenali sebagai Marhum Kampar pada 1528, putera baginda dengan Tun Fatimah, bernama Raja Ali berpindah ke Johor. Raja Ali mengasaskan Kesultanan Johor pada 1528, memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah. Dalam pada itu Raja Muzaffar, putera Sultan Mahmud dengan Onang Kening, puteri Sultan Mansur Kelantan dibawa Tun Saban ke Perak. Raja Muzaffar ditabalkan di Tanah Abang sebagai Sultan Perak pada 1528, bergelar Sultan Muzaffar Shah. Kisah Kesultanan Melaka ini, dan pengasasan Kesultanan Pahang, Johor dan Perak boleh ditimba daripada *Sulalatus Salatin* versi MS. Raffles No.!8,<sup>11</sup> W.G. Shellabear,<sup>12</sup> Muhammad Haji Salleh,<sup>13</sup> Ahmat Adam,<sup>14</sup> Krusenstern,<sup>15</sup> A. Samad Ahmad,<sup>16</sup> dan Muhammad Yusoff Hashim.<sup>17</sup>

Kesultanan Johor yang diasaskan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah sehingga kemangkatan Sultan Mahmud (Sultan Mahmud mangkat di julang), kemunculan dinasti Bendahara diasaskan oleh Bendahara Tun Abdul Jalil, bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Serangan Raja Kecil pada 1718, menduduki takhta kerajaan Johor, bergelar Sultan Abdul Jalili Rahmat Shah, dan penglibatan Opu Bugis Lima Bersaudara, Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Chelak, Daeng Menambun dan Daeng Kemasi. Perselisihan dan perang berlaku di antara Opu Bugis Lima Bersaudara membantu Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah untuk mendapat takhta daripada Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah. Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah dikalahkan, dan Raja Sulaiman diangkat dan ditabalkan sebagai Sultan Johor bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Seterusnya Daeng Marewah dilantik senagai Yang Dipertuan Muda Johor. Pelibatan Bugis dalam kerajaan Johor ini mencetuskan persaingan di antara Melayu dengan Bugis di Riau. Sementara itu Sultan Abdul Jalil

Rahmat Shah yang kini sebagai Sultan Siak melancarkan serangan terhadap Johor untuk menduduki kembali kerajaan Johor. Persaingan Opu Bugis Lima Bersaudara dengan Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah ini bukan sahaja berlaku di Johor tetapi juga di Kedah dan Linggi. Kisah Institusi Raja Johor ini banyak dirakamkan dalam manuskrip Melayu, misalnya, *Tuhfat al-Nafis*,<sup>18</sup> *Salasilah Melayu dan Bugis*,<sup>19</sup> dan *Hikayat Siak*.<sup>20</sup>

Selain itu institusi beraja Johor juga dapat diterokai antaranya, melalui manuskrip Melayu: *Syair Perang Jphor*, *Hikayat Negeri Johor*, *Peringatan Sejarah Johor*, dan *Hikayat Johor Serta Pahang*. Sementara itu hubungan Johor dengan Patani, termasuk perkahwinan Sultan Johor dengan Raja Kuning, Raja Perempuan Patani boleh dirujuk manuskrip Melayu berjudul *Ini Syair Dang Sirat*. Dalam pada itu dalam syair ini juga terdapat kisah menarik di antara kerabat Johor dengan Dang Sirat.

Di samping itu banyak lagi manuskrip Melayu memberi maklumat mengenai institusi beraja Melayu. *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *at-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* mencatatkan institusi raja Kedah. *Salasilah Perlis* mengenai institusi raja Perlis.<sup>21</sup> *Misa Melayu*, dan *Salasilah Raja Perak Berhubung Dengan Syed-Syed Chenderiang*<sup>22</sup> karya Raja Haji Yahya bin Raja Mohamad Ali mencatatkan hal berkaitan institusi raja Perak. Manuskrip Melayu, *Pesaka Selangor* (judul asal *Kenang-kenangan Selagor*) sarat membicarakan hal berkaitan institusi raja Selangor. Sementara itu institusi beraja Negeri Sembilan boleh dirujuk *Buku Peringatan Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Besar Burhanuddin Ibn Yamtuan Antah*, *Tunku Besar Seri Menanti*.<sup>23</sup> Manuskrip Melayu *Sejarah Melayu* pula membekalkan maklumat menarik dan baik mengenai Kesultanan Melaka. Institusi beraja Pahang dapat dirujuk daripada manuskrip Melayu, berjudul *Hikayat Pahang*. Di samping itu antara manuskrip Melayu yang menyentuh institusi beraja Terengganu, berjudul *Sejarah Terengganu serta Kelantan*, karangan Abdullah al-Masjid. Seterusnya institusi beraja Kelantan; terdapat beberapa buah manuskrip Melayu mencatatkan tentangnya. Misalnya, *Hikayat Seri Kelantan* dan *Hikayat Puteri Saadong*.

Dalam pada itu, salah satu aspek institusi raja Melayu yang boleh dijejaki melalui manuskrip Melayu ialah daulat. Sehingga hari ini pengkaji institusi raja Melayu menyingkap sejarah daulat, merujuk kepada *Sulalatus Salatin*. Manuskrip Melayu ini mencatatkan, Persetiaan atau Persumpahan Raja Bukit Siguntang, Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun, pemerintah Palembang. Sumpah setia ini atau juga disebut sebagai waadat menjadi punca daulat raja yang memerintah Melaka, dipusatkan bersambungan oleh Raja Pemerintah dalam institusi raja Melayu hingga hari ini. Dalam sumpah setia ini, kedua-dua pihak, raja diwakili Sang Sapurba; rakyat pula diwakili Demang Lebar Daun tidak akan mengingkari sumpah setia tersebut. Demang Lebar Daun menyatakan beliau dan anak buahnya tidak akan menderhaka kepada Sang Sapurba, dan jika keturunan melakukan dosa besar sekali pun hendaklah dinasihati serta tidak dinista dengan kata-kata jahat; sebaliknya jika bersalahan hukum syarak boleh dibunuhi. Sang Sapurba pula menyatakan anak cucu Demang Lelbar Daun hendaklah tidak menderhaka kepada anak cucu baginda. Dalam pada itu Demang Lebar Daun mengingatkan Sang Sapurba, sekiranya keturunan Sang Sapurba mengubah atau mengingkari sumpah setia tersebut, keturunan Demang Daun akan bertindak balas.

Sumpah setia ini menjadi punca rakyat taat setia kepada Raja Pemerintah. Taat

setia ini pula menjadi punca Raja Pemerintah diterima sebagai pemimpin dan pemerintah mereka, serta disfatkan dan diterima rakyat sebagai berdaulat. Daulat pula boleh dirujuk dalam dalam manuskrip Melayu berjudul *Adat Raja-raja Melayu*, ditulis pada 1193 Hijrah (1779), selesai disalin pada dua likur, bulan Syaban, pukul 10, Isnin, 1232 Hijrah. Manuskrip ini menyatakan Raja Pemerintah itu adalah pilihan Allah mentadbir di bumi. Naskhah Melayu ini menyatakan daulat itu berasal daripada bertuah. Apabila tuah itu berada pada tubuh Raja Pemerintah, dipanggil daulat; berbeza, jika tuah itu berada pada bukan Raja Pemerintah, dipanggil tuah. Dengan itu Raja Pemerintah sangat wajar merendahkan diri supaya memperoleh martabat tinggi.<sup>24</sup>

Raja yang adil itu seperti mata air jernih; sebaliknya yang tidak adil umpama sungai yang keruh, ada buaya dan masyarakat tidak dapat menangkap serta mandi dan bermain di dalamnya.<sup>25</sup> Dengan itu bertambah-tambah daulat raja itu melalui sifat adil, penyayang, pemurah, pemberani dan tegas dalam hukuman.

Apabila Raja berdaulat, penduduk kasih sayang dan takut kepada baginda. Mereka menurut, memuji, dan rela menerima segala perintahnya.<sup>26</sup> Oleh kerana Raja Pemerintah itu mendapat daulat, kurniaan Allah kepadanya menyebabkan masyarakat Melayu menyebut, Raja itu bayangan Allah di bumi atau wakil Allah di bumi.

Sehubungannya itu kedudukan kemuliaan Raja Pemerintah sangat tinggi berbanding manusia lain dalam kawasan pemerintahannya. Bertambah-tambah tinggi kedaulatan dan kemuliaan Raja Pemerintah itu jika bersifat baik budi pekerti, dan adil pemerintahannya. Dengan itu untuk menjadi Raja Pemerintah hendaklah memiliki empat perkara. Pertama, tua hati atau betul; kedua, muka senantiasa manis; ketiga fetah bercakap berlidah fasih); dan keempat pemurah (bertangan murah). Seterusnya ketika melaksanakan pemerintahan Raja Pemerintah hendaklah juga memiliki empat perkara. Pertama, hukumannya adil, hukumnya mengasihani, ketiga kekerasan dan keempat berani.<sup>27</sup>

Dengan sgala kelebihan dan kemuliaan itu menjadikan Raja Pemerintah yang melalui proses pertabalan itu bertambah berdaulat. Setelah daulat bersebat pada tubuh Raja Pemerintah lahirlah kesucian dalam tubuh Raja Pemerintah. Oleh sebab itu Raja Pemerintah memiliki pancuran kemuliaan, pancuran keadilan, pancuran rahmat, kepala agama negeri, pengawal adat Melayu, tuan tanah yang sebenar. Segala yang dimiliki Raja Pemerintah itu, menyebabkan Raja Pemerintah berdaulat. Seterusnya segala perbuatan Raja Pemerintah tidak boleh dianggap salah, dan Raja Pemerintah itu disifatkan tidak mangkat.<sup>28</sup> Undang-undang Negeri Kelantan pula menyatakan perkara ini sebagai hak kelebihan dan milik Raja: pancuran kemuliaan, pancuran keadilan, pancuran rahmat, ketua agama negeri, pengawal adat istiadat Melayu dan tuan punya tanah sebenar dan muktamad. Seterusnya Raja Pemerintah memiliki Jiwa Kedaulatan, dan menjadi anggota baginda. Jiwa Kedaulatan ini menjadikan Raja Pemerintah tidak boleh berbuat salah, disifatkan tidak mangkat.<sup>29</sup> Sifat berdaulat dan mulia Raja Pemerintah ini menyebabkan baginda dipertanggungjawabkan "...mengawal kedudukan khas bagi orang-orang Melayu dan hak-hak yang halal bagi lain-lain kaum mengikut sebagaimana syarat fasal ini".<sup>30</sup> Walaupun terdapat perbezaan susunan ayat dan perkataan tertentu, tetapi maksud dan makna sama. Raja Perlis mengikut peruntukkan fasal 70(1), "Maka tertanggunglah di atas Rakja Pemerintah menjaga kedudukan yang khas bagi orang-orang Melayu dan hak-hak yang sah bagi bangsa-

bangsa yang lain menurut syarat-syarat perkara ini".<sup>31</sup> Perkara sama dicatatkan dalam Undang-undang Perlombagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, fasa; 27a(1), "Maka hendaklah menjadi tanggungjawab Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menjaga kedudukan Istimewa orang Melayu dan hak-hak yang halal bagi lain-lain kaum mengikut syarat-syarat Perkara ini".<sup>32</sup> Undang-undang Tubuh Negeri Sembilan juga menyatakan seperti Undang-undang Perlombagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, "Adalah menjadi tanggungjawab kepada Yang Maha Mulia menjaga kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan hak-hak yang halal bagi kaum-kaum bangsa asing menurut syarat-syarat bab ini".<sup>33</sup>

Walaupun tidak dinafikan apabila Waris Raja atau Bakal Raja dipilih, dilantik dan diisythiar sebagai Raja Pemerintah, pelantikan tersebut sudah sah. Raja Pemerintah sudah memiliki daulat. Namun begitu daulat tersebut akan lebih bermakna setelah melalui upacara pertabalan. Dalam hal ini, Raja Pemerintah tersebut sudah melalui upacara pertabalan pertama, tabal gelar. Raja Pemerintah ini akan lebih kukuh daulatnya setelah melalui pertabalan kedua, tabal adat dan akhirnya tabal siram atau bersiram tabal. Dalam institusi raja Melayu, hanya Raja Pemerintah baru yang boleh ditabalkan. Apabila Raja Pemerintah melalui tiga upacara tabal ini, bermakna baginda melalui tiga laungan daulat, paluan nobat, dan menjunjung kasih. Seterusnya Raja Pemerintah muncul sebagai Raja Berdaulat, dan negeri atau kerajaan baginda turut sama memiliki kedaulatan. Dalam huraian pertabalan ini terdapat beberapa manuskrip Melayu yang menyentuh perkara ini. Antaranya, *Atoran Adat Istiaadat Raja Raja keraja-an besar dikeluarkan daripada perhimpunan surat adat Istiaadat Negeri Selangor, Rio, Lingga, Johore dan Pahang, Aturan ber-siram tabal Duli yang maha-mulia, Sultan Selangur, dan Kenangan-Kenangan Selangor* yang dikarang oleh Dato' Amar Diraja Penghulu Istiadat Selangor Wan Muhammad Amin dan *Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Didalam Negeri Perak Darul Riduan*.

Dalam *Atoran Aadat Istiaadat Raja Raja Kerja-aan*, menjelaskan Raja Berkerajaan itu adalah Raja Bertabdal. Seterusnya menyatakan aturan bertabdal ini diambil daripada sejarah, Raja Melayu Selangor, Riau-Lingga, Johor dan Pahang tanpa sebarang perubahan. Naskhah ini mengandungi lima fasal. Fasal pertama menyatakan Yang di-Pertuan Besar atau Yang di-Pertuan Muda atau Bendahara bermuafakat dengan menteri dan orang besar-besaran. Setelah sepakat, tindakan diambil untuk persiapan upacara pertabalan. Antaranya, mengatur istana, balairong seri dan balai panca persada. Semuanya disampul kuning kekuningan dan perhiasan yang indah-indah. Panca Persada dibina sembilan tingkat dengan berbagai hiasan, tempat Raja bersiram. Upacara ini dihadiri anak raja, kerabat, orang besar-besaran, orang baik-baik, dan mereka berada di tempat mengikut taraf masing-masing. Di halaman Panca Persada, berbaris mengilingi Panca Persada tersebut, antaranya menyandand pedang dan memikul lembing. Fasal kedua, perhiasan dan kelengkapan Balairong Seri, termasuk penterakna. Fasal ketiga, mengenai perhiasan dan kelengkapan singgahsana. Fasal keempat, setelah lengkap persiapan dilaksanakan upacara Meletakkan Kerja; nobat dipalu tujuh kali sehari, dan temasya dilangsungkan. Fasal kelima, menyatakan paluan nobat mengikut tertib waktu, dan tembakan meriam. Juga menjelaskan kedudukan pengiring serta kelengkapan ketika Raja berangkat dan berada di Panca Persada. Juga menyatakan mereka dan kelengkapan ketika Raja

bersiram di Panca Persada, berangkat ke istana dan ketika santap. Fasal keenam, menyatakan Raja berangkat ke tempat bersiram. Ketika baginda bersiap, nobat lagu seri istana dipalu. Seterusnya baginda berangkat diiringi oleh penjawat yang membawa keris panjang, tepak, ketur, beras kuning, dan diiringi anak raja, kerabat dan orang besar serta penjawat dengan kelengkapan perarakan sehingga ke Panca Persada, dan nobat lagu perang dipalu. Ketika Raja bersiram nobat lagu palu=palu dimainkan. Setelah Raja selesai bersiram, nobat lagu arak-arak dimainkan, dan dikuti tembakan meriam. Raja berangkat ke istana, dan memakai pakaian kerajaan, serta dipalu pula nobat lagu Seri Istana. Kemudiannya Raja keluar ke singgahsana diiringi perarakan seperti ke Panca Persada. Ketika Raja bersemayam di singgahsana, masing-masing yang hadir duduk di tempat mengikut kedudukan dan taraf masing-masing. Sementara itu nobat lagu Ibrahim Khalilullah dipalu. Berikutnya semua yang hadir berdiri, dan memberi hormat kepada Raja, dan begitu juga Raja berdiri di singgahsana memberi hormat balas. Berikutnya sumpah setia orang besar-besar dengan Raja, dan bacaan doa. Kemudiannya upacara diteruskan lagi dengan paluan nobat lagu Ibrahim Khalillah. Seterusnya orang besar-besar datang menghadap menjunjung duli. Setelah selesai menjunjung duli nobat lagu arak-arak dipalu, serta tembakan meriam dilepaskan, dan Raja berangkat ke istana.<sup>34</sup>

*Aturan ber-siram tabal Duli yang maha-mulia, Sultan Selangor* ditulis oleh Raja Bot pada 5 November 1903 mencatatkan maklumat pertabalan Sultan Ala'eddin Suleiman Shah (1898-1938). Manuskip tulisan rumi ini mencatatkan upacara pertabalan dan adat istiadat dalam upacara tersebut.<sup>35</sup> Mengikut naskhah Melayu, *Kenangan-Kenangan Selangor* yang dikarang oleh Dato' Amar Diraja Penghulu Istiadat Selangor Wan Muhammad Amin. Naskhah ini menghuraikan dengan terperinci pertabalan Sultan Ala'eddin Suleiman Shah pada 1903 dalam judul bab bukunya, "Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ala'eddin Suleiman Shah dan Tengku Ampuan Mahrum Paduka Seri". Naskhah karangan Dato' Seri Aamar Diraja ini berjudul *Kenang-kenangan Selangor* (yang dijedulkan oleh A. Samad Ahmad, *Pesaka Selangor*):<sup>36</sup> mencatatkan seperti berikut:

Kalakian maka pada waktu yang baik sangat yang sempurna di-mulai-lah meletak pekerjaan tabal ia-itu pada hari Khamis 1 haribulan Syaban hijrat 1321 bersamaan dengan 23 Oktober tarikh masehi 1903 [sepatutnya 22 Oktober 1903]. Pada waktu pukul delapan pagi di-pasang meriam satu das alamat memulai pekerjaan. Maka berhimpun-lah sa-kalian orang besar2 serta penghulu2 dengan anak buah-nya masok ka-perdalaman, laki2 dan perempuan bekerja menghiasi balai dan istana serta pancha persada....<sup>37</sup>

...Isti'adat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ala'eddin Suleiman Shah ia-itu pada hari Khamis 2 haribulan Syaaban Hijrat 1321 bersamaan 22 haribulan Oktober 1903 [sepatutnya Jumaat 23 Oktober 1903]. Maka pada waktu pukul sembilan pagi di-mula-kan-lah menjamu sa-kalian rakyat negeri bangsa Melayu dan pada waktu pukul 2 petang-nya di-tembak-kan satu das Meriam ia-itu memberi alamat supaya orang2 masok berhimpun ka-dalam istana dan tempat masing2 mengikut taraf-nya. Maka sa-kalian perempuan masok-lah ka-atas balai pancha persada

dengan memakai tudong kepala puteh dan mereka itu di-ator oleh dua orang perempuan penghulu istana. Ada-lah dihadapan pancha persada itu berbaris askar2 bangsa Sikh bersama2 dengan pasukan pancharagam keraajaan. Dan orang2 polis menjaga serta memberi aman kapada orang2 banyak. Sa-lain dari mereka itu, di atas tanah berhampiran dengan tingkat bawah di-keliling balai pancha persada ini di-ator 16 orang membawa lembing memakai baju satin kuning berseluar puteh berkain chorak hitam, bersetangan kepala, batek tanah puteh bunga hitam. 16 orang membawa benderang ia-itu tombak berambu, berseluar baju puteh, berkain chorak hitam, bersetangan kepala merah, di-ator selang satu dengan orang2 yang membawa lembing di-keliling balai Pancha Persada itu. 8 orang menyandang pedang berchabur berdiri di hadapan Pancha Persada memakai baju kuning seluar puteh, kain chorak hitam setangan batek chorak hitam. 8 orang membawa payong kuning berator kiri kanan jalan di-antara istana dengan Pancha Persada, pakaian-nya berseluar baju puteh, berkain Bugis chorak hitam, bersetangan chorak hitam serta serta memakai tetapan. 7 orang memukul nobat di-hadapan seri Pancha Persada. 18 orang jawatan perempuan di-hadapan Pancha Persada. 1 air langir, 1 lepas2an, 2 kain basahan, 2 air persiraman, 1 air bedak, 4 ambor2.

Arakian pada w

tombak Sang Buana (seperti chogam), 16 orang perempuan membawa lilin berpakaian baju tekua biru, tangan kecil, berkain batek Jawa chorak hitam memakai selampai tersimpai di-bahu-nya. 8 orang perempuan biduan memakai baju tekua hitam pendek dan tangan-nya kecil serta berkain chorak hitam. 16 orang perempuan membawa kain dokong memakai baju tekua warna samar pendek, tangan kecil, berkain batek Jawa chorak merah. 3 orang perempuan sa-orang membawa kain tudong kepala, sa-orang membawa puan dan sa-orang membawa ketor memakai baju hitam laboh, tangan kecil dengan memakai tetapan wali tersimpaidi-bahu-nya. 2 orang laki2 membawa keris panjang, sa-orang membawa chepuk memakai baju sekak warna merah, berseluar panjang hitam, berkain Bugis chorak ungu, bersetangan Bugis serta memakai tetapan wali. Maka berjalan-lah sa-kalian yang tersebut itu.

Apabila raja su

meriam pun di-tembakkan 17 das. Maka apabila sampai di-Pancha Persada, nobat nobat pun di-bunyikan lagu (Iskandar) ia-itu menantikan supaya orang2 terator semua-nya. Maka masing2 pun duduk-lah di-tempat yang di-atorkan. Sa-kalian mengadap kapada raja.

Ada pun raja s

maka Bentara Kiri pun berseru akan Raja Haji Bot minta bawa naik anak raja2 yang tua2. Maka Raja Haji Bot pun datang-lah membawa Raja Laut dengan laku Menjunjong Duli, kemudian daripada itu Raja Laut pun menepok tepong tawar. Sa-telah selesai, ia pun turun-lah bersama2 dengan Raja Haji Bot. Kemudian di-bawa pula oleh Raja Haji Bot akan

Raja 'Abdul Rahman. Lepas itu Raja Mahmud bin Sultan Muhammad keduanya pun membuat demikian juga serta menepok tepong tawar. Bahawa ka-tiga orang anak raja ini-lah sahaja yang menepong tawar di atas pancha persada. Habis itu, tirai pun di-labohkan kerana akan bersiram.

Pukul 3.45 di-

Kiri pun berseru akan Raja Haji Bot supaya datang membawa Khadi Besar akan membacha doa selamat. Maka masing2 pun bertadah tangan berkata amin (minta perkenankan). Sa-telah selesai doa itu, maka Bentara Kiri berseru pula mengatakan raja hendak berangkat ka-istana. Maka sa-kalian jawatan dan pengiring2 angkatan ka-Pancha Persada pun bersedia masing2 mengikut saperti atoran datang tadi. Sejurus lama-nya, tirai pun terbuka dan kelihatan-lah wajah Yang Maha Mulia sudah sempurna bersiram.

Pukul 4.15, Ka-

kerajaan pun berbunyi, Askar2 memberi hormat dan meriam di-tembak sa-banyak 17 das.

Maka apabila s

sa-belah kanan kiri singgahsana. Ada pun balairong itu semua-nya di-hias dengan kekuningan ia-itu menurut sa-bagaimana isti'adat kerajaan Melayu....

Maka apabila s

bersemayam di-atas singgahsana dan nobat pun dibunyikan lagu (*Ibrahim Khalilullah*). Seketika lama-nya nobat pun diam. Maka tampil-lah pula Raja Laut menjunjong duli serta berdatang sembah, "Patek sa-kalian Ahlul Hal mempersesembahkan Mahkota Kerajaan."

Kemudian darip

Kiri pun berseru nama Raja Haji Bot, titah di-panggil. Maka Raja Haji Bot pun tampil mengadap dengan laku Menjunjong Duli dan Raja Laut pun berkata, "Sila terima mahkota yang di-bawa oleh Dato' Penggawa itu, sembahkan sa-bagaimana tertib-nya."

Maka Raja Haji

talam mahkota yang di-bawa oleh Dato' Penggawa itu kemudian di-angkatkan pula mahkota yang ada itu lalu di-letakkan di-atas ulu tuanku dengan berkat nama Allah.

Bahawa apabila

demikian jua sa-kalian tuan2 semua-nya memberi hormat. Nobat dibunyikan lagu (*Ibrahim Khalilullah*) dan pancharagam kerajaan berbunyi lagu selamat. Kemudian daripada itu, di-angkat-lah oleh Raja Haji Bot mahkota yang di-bawa Dato' Maharaja Lela itu di-letakkan pula di-atas ulu Tengku Ampuan dengan berkat nama Allah. Maka sa-telah selesai hal itu, Raja Haji Bot pun bertelut menjunjong duli lalu kembali dudok di-tempat yang sedia. Kemudian Bentara Kiri berseru pula akan nama Raja Mahmud bin Sultan Muhammad. Maka Raja Mahmud pun berdiri seraya berkata, "Patek sa-kalian Ahlul Hal telah menzahirkan bagi Duli Yang

Maha Mulia-lah takhta Kerajaan negeri Selangor dan sa-kalian ta'alok jajahan-nya. Tuanku-lah yang berdaulat”.

Maka berkata-

Maka nafiri pun di-tiupkan mengikut tiap-tiap kali perkataan “Daulat Tuanku” itu. Kemudian nobat pun di-bunyikan lagu (*Ibrahim Khalilullah*). Sejurus lagi nobat pun diam. Maka Bentari Kiri pun berseru pula akan nama Dato’ Penggawa Tua, lepas itu nama Shahbandar dan kemudian nama Orang Kaya Kechil. Maka ka-tiga2-nya pun datang lepas sa-orang, sa-orang mengangkat tangan dengan melakukan menjunjong duli, dan orang2 banyak sa-kalian-nya mengangkat tangan juga tetapi dari jauh sahaja. Sa-telah itu, Bentara Kiri berseru pula akan nama khadi supaya membacha doa selamat. Dan masing2 pun bertadah tangan berkata amin. Apabila selesai membacha doa itu maka Tuan Residen Jeneral pun tampil memberi hormat akan raja suami isteri berpegang tangan. Kemudian daripada itu, Tuan Pemangku Residen pula tampil memberi selamatkan raja suami isteri. Waktu pukul 5.20 maka Duli Yang Maha Mulia pun berangkat naik ka-atas majlis besar dan selesai-lah tabal itu ada-nya”.<sup>38</sup>

Satu lagi naskhah Melayu menarik mencatatkan pertabalan, berjudul *Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Didalam Negeri Perak Darul Riduan*. Naskhah ini menerangkan pertabalan dalam Institusi Raja Perak. Dinyatakan terdapat tiga kali pertabalan dilaksanakan dalam Institusi Raja Melayu Perak. Pertama tabal gelar, kedua tabal adat dan ketiga bersiram tabal. Tabal gelar dilaksanakan sebelum keranda jenazah Raja mangkat diangkat, dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda berdiri di sisi, ulu keranda. Dalam upacara ini, ketua betara, To’ Seri Nara Dira mengisyiharkan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda sebagai Sultan Perak, mengantikan Raja yang mangkat. Semua yang hadir berseru daulat. Kemudiannya diikuti dengan Duli Yang Maha Mulia meletakkan tangan baginda di atas keranda sebagai isyarat memberi tital mengangkat keranda itu dari istana untuk diletakkan ke dalam seraja diraja yang tersedia menunggu di halaman istana.<sup>39</sup>

Tabal Adat pula, dimulakan dengan paluan nobat pagi dan petang selama empat hari berturut-turut. Bagi menjelaskan Tabal Adat ini dipetik sepenuh dari *Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Didalam Negeri Perak Darul Riduan*. Naskhah ini mencatatkan seperti berikut:

Pada hari yang kelima, tetap pada waktu yang ditetapkan paluan nobat Raja berangkat akan dibunyikan. Duli Yang Maha Mulia Sultan yang telah siap berpakaian lengkap dengan mahkota yang diletakkan ditengkolok serta memakai Pontoh Bernaga dan Rantai Bunga Nyior, berangkat masuk ke Balairong Seri dengan didahului oleh Panglima Besar, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Di Hilir berserta juru-juru iring Baginda Sultan lalu naik bersemayam diatas singgahsana, dan yang lain-lain mengambil tempat masing-masing.

Kemudian pawang Diraja, Raja Cik Muda dengan dikapiti oleh Panglima Perang Kanan dan Panglima Perang Kiri pun masuk membawa pedang cura Cura Si Manja Kini, diikuti oleh bentara-bentara yang

membawa Perkakas Kerajaan yang lain-lain diletakkan diatas meja dihadapan singgahsana kecuali Cap Halilintar dan Mestika Embon yang sedia ada dalam simpanan To' Seri Nara Diraja. Pawang Diraja mengambil tempatnya dan ketika itu juga Panglima Besar menyembah dan terus mengambil pedang [Cura] Si Manja Kini serta menyampaikan kepada Pawang Diraja dan beliau pun mempersembahkan pedang itu kepada Baginda Sultan.

Baginda bangun menyambut pedang itu lalu menghunus akan dia. Sesudah pedang itu dikucup dan disarungkan semula maka baginda pun menyandangkan dibahu kanannya. Ini diikuti oleh To' Seri Nara Diraja datang (tidak menyembah) menyampaikan Mestika Embun dan meletakkan Cap Halilintar ditelinga kanan baginda sambil membisikkan RAHSIA NASAB SULTANI. Setelah itu baharulah To' Nara Diraja menyembah dan undur balik ketempatnya.

Dengan itu sampailah upacara Tabal Adat ke mercu yang menandakan bahawa Duli Yang Maha Mulia telah selamat sempurna dinobatkan sebagai raja yang sah lagi berdaulat mengikut adat istiadat Diraja yang turun temurun dinegeri Perak Darul Ridzuan.

Apabila mustaid sekaliannya maka bangunlah Yang Amat Berbahagia, Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja menyerukan "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali berturut-turut, diikuti oleh hadirin sekalian. Maka Duli Yang Maha Mulia pun membalias seruan itu dengan menganggukkan ulu baginda berulang-ulang.

Setelah Duli Yang Maha Mulia bersemayam semula maka nobat pun dipalu, disambuti dengan tembakan meriam sebanyak dua puluh satu das. Upacara ditamatkan dengan doa selamat oleh Sahibul Fadilah Tuan Mufti serta diaminkan oleh sekalian yang hadir".<sup>40</sup>

Seterusnya Bersiram Tabal. Upacara ini dilaksanakan seperti berikut: Mulanya Raja Cik Muda, Pawang Diraja berjaga-jaga dengan sekalian pawang-pawang di bawah tangannya kerana memuja perkakas-perkakas kerajaan selama tujuh hari tujuh malam atau tiga hari tiga malam. Maka pada malam yang ketujuh (?) dini hari dipersilakan Duli Yang Maha Mulia dan Yang Maha Mulia Raja Perempuan bersemayam diatas mercu panca persada dengan segala kelengkapan kerajaan serta nobat sedia dihadapan panca persada itu. Maka peraturan ini dijalankan oleh Pawang Diraja sendiri dari awal hingga akhir.

Maka tatkala Duli Yang Maha Mulia diatas mercu panca persada berdirilah Pawang Diraja dihadapan panca persada itu menyeru Jin Kerajaan empat penjuru alam ini. Kemudian baginda kedua pun disiramkan.

Akan tetapi pada zaman sekarang Bersiram Tabal itu dilakukan pada malam ketiga selepas pertabalan Adat. Peraturannya sebagai berikut: Upacara istiadat itu dimulakan dengan Pawang Diraja memulih perkakas kerajaan dan nobat dibalairong Seri pada tempat yang disediakan dan dihadapi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan serta Duli Yang

Maha Mulia Raja Perempuan. Baginda kedua tidak bersemayam diatas singgahsana.

Setelah selesai upacara memulih itu maka kedua baginda pun berangkat turun dari istana lalu berarak didahului oleh Panglima Besar dan Panglima Perang Kanan serta Panglima Perang Kiri dan bentara-bentara menuju ke panca persada. Perarakan itu dilakukan tujuh kali mengelilingi panca persada dibawa oleh Pawang Diraja. Apabila genap tujuh kali lalu dibawanya pula naik ke Seri Panca {ersada dan baginda kedua pun disiramkan. Selepas bersiram baginda kedua pun berarak balik ke istana dengan paluan nobat.

Sampai keistana maka Duli Yang Maha Mulia kedua pun bersalin pakaian. Lepas itu berangkat pula ke Balairong Seri dengan paluan nobat juga, didahului oleh Panglima Besar dan lain-lainnya dan baginda kedua naik bersemayam diatas singgahsana.

Maka Pawang Diraja pun mulalah menjalankan upacara merenjis Air Panca Bicara, mula-mula perkakas kerajaan yang sedia terletak dihadapan singgahsana, kemudian Duli Yang Maha Mulia kedua. Sudah itu beliau pun meletakkan Bunga Panca Pancara ditelinga kanan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan. Upacara diteruskan dengan enam orang lagi kerabat diraja merenjiskan Air Panca Bicara kepada kedua Baginda.

Setelah itu maka Duli Yang Maha Mulia kedua pun santap “Nasi Berastakana” yang disediakan.<sup>41</sup>

### **Institusi Beraja Dalam Sejarah Malaysia**

Institusi Raja yang paling tua dikesan setakat ini, Kedah, wujud kira-kira pada 630, 1390 tahun; dan keduanya Melaka pada 1262, 758 tahun dahulu. Adakah tidak wujud kerajaan atau kesultanan awal lain? Setakat ini belum ditemui bukti nyata. Sementara institusi raja Kedah berkembang, dan Rajanya memeluk agama Islam pada 1135, bergelar Sultan Muzaffar, muncul kerajaan Melaka pada 1262, dan Raja Melaka ketiga memeluk agama Islam, bergelar Sultan Muhammad Shah.

Institusi beraja Melaka yang berjaya mewujudkan Melaka sebagai sebuah empayar, menguasai seluruh Tanah Melayu dan negeri-negeri tertentu di Pantai Timur Sumatera ditakluki angkatan Portugis pimpinan Alfonso de Albuquerque pada Ogos 1511. Sultan Ahmad dan Sultan Mahmud yang gagal mempertahankan Melaka berundur ke Bertam, Pagoh, Pahang dan akhirnya bersemayam di Bintan,<sup>42</sup> mendirikan pusat kerajaan Melaka di Kota Kara dan Kota Kopak. Ketika di Bintan, Sultan Ahmad mangkat, orang besar mengangkat semula Sultan Mahmud sebagai pengganti. Pada tahun 1526, Portugis menyerang Sultan Mahmud di Bintan, baginda dikalahkan, berundur ke Kampar, dan mendirikan pusat pentadbiran empayar Melaka di sini. Pada 1528, baginda mangkat, dikenali sebagai Marhum Kampar. Dengan itu berakhirlah empayar Melaka. Dua orang putera baginda, Raja Ali mengasaskan Kesultan Johor pada 1528, memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah. Putera Sultan Mahmud seorang lagi, Raja Muzaffar dibawa Tun Shaban ke Perak, ditabalkan di Tanah Abang pada 1528 sebagai Sultan Perak, memakai gelaran Sultan Muzaffar Shah.

Kerajaan Johor yang diasaskan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah II menghadapi saingan Portugis di Melaka dan kerajaan Aceh, Sumatera di bawah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Kemudiannya kedua-dua kuasa ini tidak lagi mengancam Kesultanan Johor selepas tahun 1641. Pada 1641, Portugis dikalahkan oleh Belanda, dan Belanda menduduki Melaka. Aceh pula lemah di bawah pemerintahan Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah (balu Sultan Iskandar Thani, 1636-1641). Oleh kerana tidak lagi diancam Portugis dan Aceh, kerajaan Johor berkembang maju, dan pelabuhannya didatangi saudagar dari timur dan barat. Namun begitu berbeza dengan kerajaan Perak. Setelah bertapak di Melaka, Belanda cuba mencari peluang untuk memonopoli bijih timah di Perak. Dalam usaha mencapai matlamatnya itu, Belanda menghantar wakilnya ke Perak. Permohonan Belanda ditolak oleh Sultan Perak. Apabila gagal membuat perjanjian memonopoli bijih timah di Perak, rombongan Belanda dihantar ke istana Aceh mendorong Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah membantu mereka. Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah mengirim utusan mengiringi rombongan Belanda ke Perak. Dengan itu Sultan Muzaffar Shah II, Perak dan orang besar menandatangani perjanjian pada 15 Ogos 1650 memberan Belanda membuka gudang menguruskan perniagaan bijih timah di Kuala Perak. Namun begitu gudang ini diserang dan dimusnahkan oleh orang Perak pada 1651. Semua orang Belanda yang ada di sini dibunu.<sup>43</sup>

Pada 1782, kerajaan Johor menghadapi serangan Belanda. Pusat pentadbiran Johor di Bintan dikepung oleh angkatan Belanda di bawah pimpinan Toger Aboe. Ketika angkatan Belanda berperang di Bintan, Sultan Ibrahim Selangor dan angkatan menyerang di Melaka. Oleh kerana tidak mampu menghadapi serangan Sultan Ibrahim ini, angkatan Belanda di Bintan dipanggil pulang ke Melaka. Kemudiannya Yamtuan Muda Raja Haji memimpin angkatan Johor datang ke Melaka bergabung dengan angkatan Selangor pimpinan Sultan Ibrahim menyerang Belanda di Melaka. Dalam pertempuran di Teluk Ketapang, pada 1784, Yamtuan Raja Haji terkorban. Dengan itu angkatan Johor dan Selangor pulang ke negeri masing-masing. Pada tahun 1784, Johor dan Selangor menghadapi serangan Belanda. Sultan Mahmud Johor dikalahkan dan mengikat perjanjian dengan Belanda. Sultan Ibrahim gagal mengatasi angkatan Belanda berundur ke Pahang. Kemudiannya pada 1785, Sultan Ibrahim menyerang Belanda di Kuala Selangor, dan berjaya mendudukinya.

Dalam pada itu persaingan Siam-Burma di utara mempengaruhi Kesultanan Kedah. Siam dan Burma seringkali menuntut bantuan daripada Sultan Kedah. Kedah menghantar bunga emas dan perak ke Siam dan Burma untuk mengelakkan serangan Burma dan Siam. Oleh sebab ancaman Siam atau Burma, Sultan Abdullah menawarkan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur British dengan beberapa syarat. Francis Light, wakil Syarikat Hindia Timur British menduduki Pulau Pinang pada 1786, tanpa memenuhi syarat yang dikemukakan oleh Sultan Abdullah. Perselisihan berlaku, angkatan Kedah berkumpul di Seberang Perai untuk melancarkan serangan, menghalau British dari Pulau Pinang. Namun begitu sebelum serangan dilancarkan, angkatan British menyerang mereka. Setelah kalah, Sultan Abdullah menandatangani perjanjian dengan Kompeni pada Mei 1791 mengakui kedudukan British di Pulau Pinang. Pada tahun 1800, Sultan Dhiauddin Mukarram Shah, pengganti Sultan Abdullah menandatangani perjanjian dengan Syarikat Hindia Timur British memajakan Seberang Perai kepada British. Kemudiannya melalui perjanjian 1819, di antara Sir Stamford

Raffles dengan Temenggung Abdul Rahman Johor dan Tengku Long Husin, putera Sultan Mahumud III Kompeni berjaya menduduki Singapura.

Pada 1821, Kedah diserang dan ditakluki angkatan Siam arahan Phraya Nakorn Sri Thammarat atau Ligor yang diperintahkan oleh Raja Siam, Phra Nang Klae (Rama III). Kedah ditakluki Siam dan ditadbirkan oleh gabenor, putera Raja Ligor dari tahun 1821 hingga 1842. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II berada dalam buangan di Melaka. Sementara itu pendudukan Siam di Kedah ditentang oleh Tunku Kudin dan Tunku Muhammad Saad pada tahun 1830-an. Namun begitu gerakan membebaskan Kedah ini gagal. Pada tahun 1842, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II dibenarkan menduduki semula takhta kerajaan Kedah.

Kemudiannya institusi raja Melayu menghadapi British. Perak menerima pengaruh British melalui Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874. Perjanjian ini ditandatangani oleh Raja Muda Abdullah dan pembesar tertentu Perak dengan Sir Andrew Clarke wakil British. Berkuatkuasa perjanjian ini Raja Muda Abdullah diiktirafkan oleh British sebagai Sultan Perak, dan Sultan Ismail dipencenkan. Perak akan menerima seorang Residen British yang nasihatnya akan diminta dan dipatuhi dalam semua perkara kecuali adat dan agama Islam. Penglibatan British dalam pentadbiran Perak ini mencetuskan pakatan menentang British dan membunuh wakilnya, Residen British J.W.W. Birch. Seterusnya pada hari raya puasa kedua, 2 November 1875, J.W.W. Birch dibunuh di Pasir Salak ketika sedang mandi.

Setelah terlibat di Perak, British juga campur tangan di Sungai Ujong, akhirnya seluruh Negeri Sembilan, Selangor, dan Pahang. Pada 1896, keempat-empat negeri ini, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang dicantumkan di bawah satu pentadbiran yang dipanggil Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Kuasa pentadbir tertinggi di tangan Residen Jeneral. Kini Sultan Perak, Selangor, Pahang dan Yamtuan Besar Negeri Sembilan dan Residen British tidak lagi berkuasa. Sultan menjadi anggota Majlis Mesyuarat yang mana tarafnya sama dengan ahli lain. Di atas kesedaran kehilangan kuasa ini, Sultan Idris Perak dalam Majlis Mesyuarat Raja (Durbar) pada tahun 1897 dan 1903 menyuarakan memulangkan kembali kuasa kepada tiap-tiap negeri.

Dalam perkembangan lain, Kesultanan Kedah, Kelantan dan Terengganu, serta Raja Perlis akhirnya menerima pegawai British, bergelar Penasihat British. Kesultanan Kedah dan Perlis menerima Penasihat British melalui Perjanjian Bangkok 1909. Walaupun dalam perjanjian 1909 ini, termasuk juga Kelantan dan Terengganu, tetapi kedua-dua negeri ini menolak Perjanjian Bangkok. Sultan Zainal Abidin III Terengganu dan Sultan Muhammad IV Kelantan menolak perjanjian ini. Kelantan hanya menerima Penasihat British pada tahun 1910, setelah terjalinya perjanjian Kelantan dengan British.

Terengganu juga menandatangani perjanjian dengan British, 1910 tetapi hanya menerima Ejen British. Sementara itu Kesultanan Johor menerima Penasihat British pada tahun 1914. Terengganu pula menerima Penasihat pada tahun 1919, setelah terikatnya perjanjian Terengganu dengan Great Britain pada tahun 1919.

Apabila British campur tangan dalam negeri-negeri Melayu mulai 1874, kuasa dan hak Raja dalam pentadbiran hanyalah perkara bersangkut paut dengan agama dan adat Melayu. Perkara enam dalam Perjanjian Pangkor yang ditandatangani oleh Raja Muda Abdullah serta beberapa Orang Besar Perak dan Gabenor Negeri Selat, Sir Andrew Clarke pada 20 Januari 1874 menyebut:

...Tuan Residen Negeri Perak menjadi orang kerajaan gobermen. Akan Yang Di-Pertuan itu mahu-lah menempah dengan-nya dahulu daripada fasal sekelian perkara dan pekerjaan Negeri Perak itu melainkan tidak boleh ia masuk daripada fasal Ugama Islam dan ‘Adat Melayu itu ada-nya.<sup>44</sup>

Sangat perlu dinyatakan di sini, campur tangan dan penglibatan British dalam pentadbiran negeri Melayu adalah berperingkat. Perak pada tahun 1874, Selangor, 1874; Pahang 1887, dan Negeri Sembilan mulai 1874, dan seluruh negeri (Sungai Ujong, Jelebu, Johor, Rembau, Jempul, Hulu Muar, Gunung Pasir, Terachi, da Inas) pada tahun 1889. Masing-masing negeri yang menurunkan tandatangan tersebut bersetuju membina sebuah kediaman, dan membayar gaji kepada pegawai British yang dilantik, dan bergelar Residen British. Raja Melayu yang menurunkan tandatangan ke atas perjanjian tersebut juga bersetuju menerima nasihat Residen British dalam semua perkara, kecuali agama Islam dan adat Melayu. Keempat-empat negeri ini dirujuk sebagai Negeri Perlindungan British (*British Protectorate*). Kemudian dengan matlamat memajukan negeri dan pentadbiran, kerajaan British mengikat perjanjian lagi dengan negeri tersebut, yang dikenal sebagai Perjanjian Persekutuan 1895.

Perjanjian ini ditandatangani oleh Gebenor Negeri-negeri Selat, bagi pihak Kerajaan Baginda Queen dengan Raja-raja Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Perjanjian mengandungi lima fasal, tetapi fasal 4 melibatkan kuasa dan hak Raja Melayu dalam agama Islam dan adat Melayu. Fasal 4 menyebut:

Pemerintah-pemerintah yang tersebut namanya di atas itu bersetuju menerima seorang pegawai British yang akan dipanggil Residen General wakil kerajaan British di bawah Gabenor Negeri-negeri Selat. Mereka itu mengaku hendak memberi kepadanya tempat duduk yang layak baginya dengan gaji yang akan ditentukan oleh kerajaan Permaisuri Inggeris dan mereka mengaku mengikut nasihatnya di dalam semua perkara memerintah selain daripada hal yang berkenaan dengan agama Islam. Maka jawatan Residen General itu tidak mengubahkan kewajipan pemerintah-pemerintah Melayu kepada British-British Residen yang ada sekarang ini atau yang akan diletakkan di dalam negeri-negeri yang bernaung yang tersebut di atas itu.<sup>45</sup>

Keempat-empat Raja Melayu yang menurunkan tandatangan ke atas perjanjian tersebut bersetuju membentuk Persekutuan, dikenali sebagai *Federated Malay States* (Negeri-negeri Melayu Bersekutu). Pegawai British bergelar Residen Jeneral akan menguruskan pentadbiran Persekutuan, dan Raja Melayu kekal dalam bidang agama Islam dan adat Melayu. Namun begitu Perjanjian Persekutuan sangat berbeza dengan perjanjian British dengan tiap-tiap negeri sebelum ini. Perjanjian Pesekutuan menyatakan Raja-raja Melayu bersetuju Residen Jeneral yang berpusat di Kuala Lumpur menguruskan Persekutuan. Persetujuan memberi kuasa ini bermakna Raja-raja Melayu kehilangan kuasa dalam pentadbiran negeri masing-masing. Jika sebelum ini, tanpa perkenan Raja-raja Melayu undang-undang yang diluluskan dalam Majlis Negeri (*State Council*) tidak dapat dilaksanakan. Kini undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Persekutuan boleh berkuat kuasa dalam negeri, kecuali berkaitan agama Islam dan adat istiadat Melayu, atau berkaitan dengan bidang kuasa Majlis Negeri, diluluskan oleh

negeri. Kejayaan British mewujudkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu ini bermakna kedudukan Perak, Selangor, Pahang, dan Negeri Sembilan, bertukar dari Negeri Perlindungan British kepada Negeri Perlindungan Kolonial British (*British Colonial Protectorate*).

Jika diperhatikan bidang kuasa Raja dalam hal agama dan adat Melayu masih tidak berubah sebagaimana tercatat dalam perjanjian di antara Raja Melayu dengan kerajaan British sebelumnya. Namun begitu suatu perkara yang perlu ditegaskan di sini ialah, perjanjian yang melibatkan agama Islam dan adat Melayu ini adalah di antara Raja-raja Melayu dengan Residen General yang akan mentadbir negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang bagi pihak Kerajaan Baginda Queen. Manakala ikatan perjanjian di antara Raja-raja Melayu dengan Residen British mengenai agama dan adat Melayu terus kekal.

Namun begitu satu perkara yang dijelaskan dalam Perjanjian Persekutuan ini ialah pengakuan kerajaan British tidak berniat mengurang atau melemahkan kuasa dan hak Raja-raja Melayu sebagaimana dinikmati dalam perjanjian persahabatan sebelum ini.

Dalam perlaksanaan pentadbiran, Residen General sangat berkuasa dalam pentadbiran. Oleh sebab itu Raja-raja Melayu, khususnya Sultan Idris Perak mendesak supaya kerajaan British memulangkan kembali kuasa Raja-raja Melayu. Pemusatan pentadbiran di Kuala Lumpur ini juga menimbulkan bantahan daripada Residen British di negeri Melayu terlibat. Peranan Majlis Negeri menjadi kurang kerana dasar perundangan yang berpusat di Kuala Lumpur menjadikan peranan Majlis Negeri menjadi kecil, hanya lebih sebagai badan pengesah sahaja.<sup>46</sup>

Ketika Raja Melayu dan Residen British tidak puas hati terhadap terlalu pemusatan kuasa di Kuala Lumpur, berlaku perubahan dalam pentadbiran British. Residen General Frank Swettenham dinaikkan pangkat pada Februari 1901, sebagai Gabenor Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu. Jawatan Residen General disandang oleh W.H. Treacher (13 Disember 1901 – 31 Disember 1904). Perubahan pentadbiran berlaku lagi: pada April 1904, Sir John Anderson menggantikan Frank Ssettenham; dan jawatan Residen General pula diduduki oleh W.T Tay lor, menggantikan W.H. Treacher. Tuntutan dan desakan Raja-raja Melayu memulangkan kembali kuasa kepada negeri masing-masing, antara lain menjadi faktor Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi baru, Sir John Anderson memperakukan kepada Pejabat Kolonial supaya mengemaskan lagi pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sir John Anderson mengemukakan cadangan kepada Pejabat Kolonial pada Disember 1907, dan kemudiannya mendapat restu daripada Pejabat Kolonial. Dengan itu Sir John Anderson mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu mementerai Perjanjian Majlis Persekutuan pada 20 Oktober 1909. Perjanjian ini mengandungi 11 fasal; tetapi jika diamati dan dikira fasal 5A, jumlah keseluruhan fasalnya adalah 12. Perjanjian ini ditandatangani oleh Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu, bagi pihak Kerajaan Bagindan King dengan Raja-raja Melayu, Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan (termasuk Dato' Kelana Sungai Ujong, Dato' Johol, Dato' Jelebu, Dato' Rembau, dan Tunku Dewa Tampin). Raja-raja Melayu yang menurunkan tandatangan tersebut bersetuju dengan 11 fasal yang dicatatkan dalam Perjanjian Majlis Persekutuan itu. Antara lain, majlis tersebut dinamakan Majlis Persekutuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (*Federal Council of the Federated Malay States*); anggotanya Pesuruhjaya

Tinggi, Residen General, Raja-raja Melayu, Residen British, dan empat ahli tidak rasmi dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan perkenan Baginda King.

Dari 11 fasal ini terdapat satu fasal, iaitu fasal 9 yang menyentuh kuasa dan hak Raja-raja Melayu dalam hal agama dan adat Melayu. Fasal ini berbunyi:

Segala undang-undang yang telah disahkan oleh State Council itu boleh dijalankan di dalam satu-satu negeri melainkan jika sekiranya ada sebarang perkara di dalamnya yang berlawanan dengan syarat-syarat undang-undang yang telah disahkan oleh Federal Council, dan segala perkara yang bersangkutan dengan agama Islam, hal masjid-masjid, hal gaji-gaji waris-waris negeri, dan pembesar-pembesar negeri dan penghulu dan sebarang perkara yang lain yang difikirkan oleh High Commissioner bersangkut dengan hak dan kekuasaan Sultan-Sultan itu atau pun dengan sebarang sebab difikirkan perkara-perkara itu lebih patut diputuskan oleh State Council maka hendaklah perkara-perkara itu diuntukkan bagi State Council dengan khasnya.<sup>47</sup>

Satu perkara yang sangat perlu dinyatakan di sini, Perjanjian Perlembagaan Majlis Persekutuan ini hanya menyebut agama Islam (yang dirujuk British sebagai *Mohammedan Religion*), tidak adat Melayu. Namun begitu, berbanding dengan peruntukan kuasa dan hak Raja-raja Melayu dalam perjanjian sebelum ini (Perjanjian British dengan negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang serta Perjanjian Persekutuan 1895), bidang kuasa dan hak Raja-raja Melayu dinyatakan lebih terang. Dalam Perjanjian ini disebut kuasa dan hak Raja-raja Melayu berkaitan agama Islam, masjid, penceramah, pembesar, penghulu, dan perkara yang difikirkan oleh Pesuruhjaya Tinggi adalah bidang kuasa dan hak Raja-raja Melayu. Apa yang lebih penting dari itu, kuasa dan hak Raja-raja Melayu dihadkan hanya kepada perkara tersebut, dan perkara yang difikirkan patut serta sesuai oleh Pesuruhjaya Tinggi diluluskan oleh Majlis Negeri. Namun begitu dalam hal yang lain pula, berlaku percanggahan yang jelas dengan Perjanjian Majlis Persekutuan itu yang mana menyatakan tidak ada sebarang niat untuk mengurangkan sebarang kuasa yang dimiliki oleh Raja-raja Melayu.<sup>48</sup>

Sementara itu British menjalankan kegiatan untuk melibatkan diri dalam pentadbiran negeri Melayu lain. Seterusnya British campur tangan dalam Negeri Melayu, Perlis dan Kedah melalui Perjanjian Bangkok 1909, dan perlantikan Penasihat British di kedua-dua negeri tersebut; serta campur tangan British di Kelantan melalui perjanjian 1910, dan Terengganu melalui perjanjian 1919, serta perlantikan Penasihat British dalam kedua-dua negeri tersebut dirujuk sebagai Negeri Naungan British (*British Suzereignty Malay States*). Manakala Johor yang bersetuju menerima Penasihat Besar British (*British General Adviser*) berkuat kuasa perjanjian 1910, dirujuk sebagai negeri perlindungan Kolonial British. Penasihat British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu; dan Penasihat Besar British di Johor akan disediakan kediaman, dibayar gaji oleh negeri berkaitan, dan memberi nasihat kepada Raja-raja Melayu dalam semua perkara, kecuali agama dan adat Melayu.

Pembentukan Majlis Persekutuan dan perlaksanaan Majlis Persekutuan langsung tidak dapat menyelesai perkara yang dibangkitkan oleh Raja-raja Melayu dan masing-masing Residen British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Raja-raja Melayu menghadiri

mesyuarat Majlis dalam bahasa yang asing bagi mereka, dan kuasa baginda sama dengan anggota majlis lain. Martabat, kuasa dan hak Raja-raja Melayu terus terpinggir, dan kini berada di tangan Pesuruhjaya Tinggi. Padahal perjanjian perlembagaan Majlis Persekutuan ada menyebut dengan jelas dalam fasal 11, tidak akan mengurangkan kuasa dan hak Raja-raja Melayu dalam negeri masing-masing. Fasal 11 menyebut:

Tiada sesuatu di dalam Perjanjian itu yang dimaksud hendak mengurangkan sebarang kuasa atau hak yang ada sekarang dipegang oleh semua Sultan di dalam negeri masing-masing dan lagi tidak jua perjanjian ini mengubahkan perhubungan yang ada sekarang ini di antara negeri Melayu yang tersebut itu dengan British Empayar seperti yang telah ditetapkan oleh teriti-teriti yang telah lalu.<sup>49</sup>

Ketidak selesaan ini menyebabkan Raja-raja Melayu mendesak bersungguh-sungguh kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu memulangkan balik kuasa dan hak kepada baginda. Begitu juga Residen British masing-masing negeri juga menuntut supaya kuasa yang terlalu berpusat di Kuala Lumpur, di bawah Pesuruhjaya Tinggi dikembalikan kepada mereka. Setelah mengambil kira tuntutan Raja-raja Melayu, Pesuruhjaya Tinggi mengambil langkah untuk memenuhi tuntutan Raja-raja Melayu tersebut. Pada tahun 1925, Pesuruhjaya Tinggi, Sir Laurence Guillemard membuat ucapan dalam Majlis Persekutuan, dan dalam Kertas 39 Tahun 1925 menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memulangkan kuasa Raja-raja Melayu dalam Majlis Negeri masing-masing.<sup>50</sup> Dalam ucapan itu Pesuruhjaya Tinggi Sir Laurence Guillemard sedar Pesuruhjaya Tinggi Sir John Anderson sebelumnya telah mencuba untuk "...membetulkan kesilapan..." yang sepatutnya bergerak di atas landasan bahawa pentadbiran negeri Melayu hendaklah dijalankan oleh Raja-raja Melayu dengan bantuan Residen British, dan Raja-raja Melayu bersetuju mengikut nasihat Residen tersebut dalam semua perkara, kecuali agama Islam dan adat Melayu.<sup>51</sup>

Sementara itu Pesuruhjaya Tinggi Sir Laurence Guillemard mengambil langkah meminda perlembagaan Majlis Persekutuan yang telah pun dua kali dipinda pada tahun 1912 dan 1914. Perjanjian pindaan ini ditandatangani pada 24 April 1927 di Kuala Lumpur, di antara Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu yang mewakili kerajaan Baginda King dengan Raja-raja Melayu, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Perjanjian ini mengandungi 15 fasal, dan menitik beratkan bidang kuasa Majlis Persekutuan, serta keanggotaan Majlis tersebut.<sup>52</sup> Daripada 15 fasal ini, fasal 13 ada menyentuh mengenai Raja-raja Melayu dan agama Islam. Dalam fasal ini menyebut:

Selain daripada perkara yang termasuk di dalam fasal yang kedua belas di atas itu [Sekalian Estimate(peranggaran) perolehan wang kerajaan hendaklah di bawa ke hadapan Federal Council dan sekalian perbelanjaan hendaklah dibenarkan oleh Council itu dengan persetujuan mesyuarat atau pun dengan supply bill...] semua perkara yang berkenaan dengan agama Islam, hal masjid-masjid, gaji-gaji waris-waris negeri, pencen pembesar-pembesar raja-raja dan penghulu-penghulu dan sebarang perkara yang lain-lain yang difikirkan oleh High Commissioner bersangkut dengan kuasa dan hak Sultan atau pun ada sebab-sebab yang lain-lain yang difikirkan patut diselesaikan di dalam State Council hendaklah diputuskan oleh State Council sahaja.<sup>53</sup>

Sekali lagi kuasa dan hak Raja-raja Melayu dihadkan kepada agama Islam dan perkara yang tercatat dalam fasal 13 ini, dan jika difikirkan oleh Pesuruhjaya Tinggi wajar diselesaikan oleh Majlis Negeri. Namun begitu kewangan yang menjadi nadi penting melaksana dan menguatkuasa keputusan Majlis Negeri dikawal oleh Majlis Persekutuan. Dalam pada itu seperti perjanjian sebelum ini, dalam fasal 15 dinyatakan tidak ada sebarang niat untuk mengurangkan kuasa dan hak yang dimiliki oleh Raja-raja Melayu dalam negeri masing-masing, dan mengubah persahabatan yang telah dijalin sebelum ini.<sup>54</sup>

Raja-raja Melayu mengharungi pengalaman baru ketika pemerintahan tentera Jepun. Jepun melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu penghujung tahun 1941, dan menguasainya pada tahun 1942, setelah tentera British menyerah kalah pada 12 Februari 1942. Pentadbiran tentera Jepun dalam perancangan awal pada tahun 1941, meletakkan Raja-raja Melayu sebagai pemerintah biasa (*nominal ruler*) di bawah sistem nasihat; tetapi apabila General Yamashita meluluskan dokumen dasar pada Februari 1942, Raja-raja Melayu dikekalkan status politik baginda.<sup>55</sup> Namun begitu regim baru menetapkan dasar menghilangkan semua kuasa dan hak sultan. Manakala Wataru Watanabe, Timbalan Ketua Pemerintah Tentera Tanah Melayu, dalam arahannya bertarikh Februari 1942 menyebut mengekalkan status Raja-raja Melayu seperti sebelumnya, tetapi baginda di penyeliaan Jepun. Pada 11-13 April 1942, Raja-raja Melayu berangkat ke Singapura (Syonan Tu) bertemu Putera Tokugawa dan pegawai tentera Jepun. Dalam pertemuan itu Raja-raja Melayu menyatakan harapan baginda, supaya segala perkara berkaitan agama Islam dalam negeri baginda tidak diganggu.<sup>56</sup> Namun begitu dalam kenyataan pada Mei 1942, Marquis Tokugawa menyatakan kuasa dan hak Raja-raja Melayu dihapus kerana penduduk Tanah Melayu menjadi rakyat Raja Jepun.<sup>57</sup>

Namun demikian jawatan Mufti dikekalkan, dan perlantikan baru dilakukan. Misalnya pada 4 Ogos 1942, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Terengganu melantik Sheikh Hasan bin Said al-Yamani sebagai Mufti Terengganu. Sheikh Hasan diberi kuasa menjalankan urusan berkaitan agama Islam bagi pihak Sultan dalam negeri Terengganu.<sup>58</sup>

Kerajaan tentera Jepun melihat perkembangan Tanah Melayu, Raja Melayu tidak boleh dikesampingkan jika ingin menawan hati penduduk Melayu. Dengan itu Raja-raja Melayu dikekalkan sebagai Pelindung Agama Islam. Misalnya dalam surat titah Sultan Johor betarikh 18 Julai 2603 (18 Julai 1943) terdapat catatan pada tajuknya "An Edict of His Highness Sultan of Johore and Protector of Islam for the State and Territory of Johore".<sup>59</sup> Berikutnya pada 5-6 April 1943, kerajaan tentera Jepun membiayai persidangan Raja-raja Melayu di Singapura.<sup>60</sup> Dalam persidangan ini Jepun memberi jaminan akan memberi kebebasan beragama dan melindungi agama Islam.<sup>61</sup> Antara kesan utama persidangan ulama ini, kerajaan tentera Jepun menarik balik sekatan terhadap Majlis Ketua Ulama Perak yang memainkan peranan penting sebelum perang. Seterusnya dari September hingga Oktober 1944, Majlis Agama ini dipulihkan di Negeri lain, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Johor. Manakala negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Johor.<sup>62</sup> Pada 13-15 Disember 1944, kerajaan tentera Jepun menganjurkan Persidangan Islam di Kuala Kangsar. Matlamat utama kerajaan tentera Jepun ingin mempengaruhi golongan agama menyokong pentadbrian tentera Jepun.<sup>63</sup>

Sementara itu pada tahun 1943, pentadbiran tentera Jepun memindahkan pentadbiran Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada pentadbiran tentera Thai. Walaupun berada dalam pentadbiran tentera Thai, Raja-raja Melayu keempat-empat negeri ini dikekalkan. Dalam pada itu Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai dalam surat pengisyiharannya memberi jaminan akan menghormati agama Islam.<sup>64</sup>

Ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu, kerajaan British di London berbincang berbagai-bagai tentang bentuk dan struktur pentadbiran di Tanah Melayu apabila mereka kembali nanti. Antaranya menyentuh kedudukan Raja-raja Melayu. Misalnya mengesyorkan Raja-raja Melayu sebagai badan penasihat kepada gabenor dalam perkara berkaitan orang Melayu dan agama Islam. Dalam pada itu pada November 1944, H.C. Willan mencadangkan Raja-raja Melayu sebagai badan penasihat gabenor dalam semua perkara berkaitan agama Islam dan adat Melayu sebelum dibincangkan dalam badan perundangan Kesatuan.<sup>65</sup>

Selepas perang dunia kedua, British bertapak kembali di Tanah Melayu pada tahun 1945, dan membentuk Pentadbiran Tentera British. Kemudiannya pada tahun 1946, kerajaan memperkenalkan Malayan Union, setelah mendapat persetujuan Raja-raja Melayu dalam siri perjanjian dengan MacMichael yang mewakili Kerajaan Mahkota British pada tahun 1945. Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Sir Harold MacMichael sebagai Wakil Khas Kerajaan Baginda King United Kingdom dan Northern Ireland dengan Raja-raja Melayu pada tarikh yang berbeza-beza. Masing-masing Raja-raja Melayu menurunkan tandatangan dan cap pada perjanjian masing-masing. Namun semua isi kandungan dalam perjanjian tersebut adalah sama. Perjanjian dengan Terengganu berkuatkuasa pada 21 Disember 1945; Johor, 20 Oktober 1945; Selangor, 24 Oktober 1945; Pahang, 2 November 1945; Negeri Sembilan, 14 November 1945; Perak, 22 November 1945; Perlis, 4 Disember 1945; Kedah, 2 Disember 1945; dan Kelantan, 17 Disember 1945. Sebagai contoh kandungan Perjanjian 1945 dengan Raja-raja Melayu ini dikutip daripada "Suatu Perjanjian di-antara Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda King di-dalam United Kingdom di-Great Britain dan di-Northern Ireland dengan Kerajaan Negeri Johor".

BAHWA OLEH SEBAB ada-lah perjanjian-perjanjian yang sedia ada di-antara Yang Maha Mulia Baginda King di-Great Britain dengan Yang Maha Mulia Sultan Johor:

DAN OLEH SEBAB Negeri-negeri Melayu patut memajukan serta membesarkan undang-undang tuboh Kerajaan-nya di-bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Baginda King dan juga bagi pemerentahan Negeri Johor pada masa yang ka-hadapan:

MAKA ADA-LAH DI-PERSATUJUKAN DENGAN PERJANJIAN INI di-antara Sir Harold MacMichael , G.C.M.M, D.S.O., wakil khas Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda King di-dalam United Kingdom di-Great Britain dan di-Northern Ireland bagi pihak Yang Maha Mulia Baginda King dengan Yang Maha Mulia

Sultan Negeri Johor bagi pihak diri-nya sendiri dan waris-waris-nya dan keturunan-nya saperti yang tersebut di-bawah ini:

1. Yang Maha Mulia Sultan Negeri Johor berjanji ia-itu Yang Maha Mulia Baginda King tetap-lah akan beroleh sa-penoh-penoh

- kuasa mengadakan undang-undang di-dalam Negeri Johor.
2. Perjanjian-perjanjian sedia yang tersebut di atas ini akan berlaku sa-penoh-penoh kuatkuasa-nya, kechuali mana-mana tentang yang berselisih dengan perjanjian baharu ini atau dengan mana-mana peraturan tuboh Kerajaan bagi Tanah Melayu ini yang akan di-adakan oleh Yang Maha Mulia Baginda King.<sup>66</sup>

Dalam perjanjian ini Raja-raja Melayu menyerahkan semua *jurisdiction* ke atas negeri masing-masing kepada Mahkota British. Raja-raja Melayu hanya sebagai ketua sosial dan agama sahaja.<sup>67</sup> Rancangan Malayan Union ini disiarkan dalam akhbar *The Times* di London pada 23 Januari 1946 berjudul "New Plan for Malaya, Two Administrative Units, An Initial Phase".<sup>68</sup>

Dalam rancangan Malayan Union, Baginda King mesti mempunyi *jurisdiction* dalam negeri Melayu untuk membolehkan baginda "...to legislate for all the States alike under the Foreign Jurisdiction Act". Dalam hal ini Sir Harold MacMichael, Wakil Khas Kerajaan Baginda berjaya mendapatkan tandatangani daripada semua Raja-raja Melayu untuk melaksanakan rancangan Malayan Union ini. Tandatangan pula didapati setelah rundingan yang berlangsung dalam suasana persahabatan dan kemesraan (**friendliness and goodwill**).<sup>69</sup> Dalam hal Raja dan agama dinyatakan yang Kerajaan Baginda King sentiasa tidak lupa kedudukan khas Raja-raja Melayu sebagai ketua tradisional dan roh (*spiritual*) orang Melayu. Dengan itu Raja-raja Melayu akan mempengerusi Majlis Penasihat Melayu di negeri masing-masing; dan anggotanya akan dilantik oleh Raja tetapi dengan kelulusan Gabenor. Manakala tugas utama Majlis ini segala hal berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu.<sup>70</sup> Dengan itu Majlis ini akan menasihati Raja dalam semua hal berkaitan agama Islam; menasihati Raja dalam penggubalan undang-undang berkaitan agama Islam; dan menasihati Raja dalam semua hal yang dirujuk kepada Majlis oleh Raja, atau Residen Komissioner dengan persetujuan Gabenor. Namun begitu undang-udang yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Melayu di peringkat negeri ini akan dipertimbangkan dalam Majlis Sultan yang anggotannya Gabenor sebagai pengerusi, Raja-raja Melayu, ketua setiausaha, ketua hakim, dan setiausaha kewangan.<sup>71</sup>

Perkara ini disifatkan sebagai tampanan hebat ke Raja-raja Melayu dan penduduk Tanah Melayu. Raja-raja Melayu membantah perjanjian ini. Baginda menyatakan dipaksa dan tidak diberi cukup masa untuk membincangkan perkara yang berkaitan dalam perjanjian tersebut. Sultan Kedah, Perak dan Kelantan menghantar telegeram ke London membantah Perjanjian ini. Pengenalan Malayan Union ditentang oleh Persatuan Melayu Johor di bawah pimpinan Dato' Abdul Rahman bin Mohd. Yasin; Lembaga Melayu Johor, dan juga Pergerakan Melayu Semenanjung Johor di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar. Persatuan Melayu Johor ditubuhkan pada tahun 1939 di Johor Bahru, dan kebanyakannya anggotanya adalah kakitangan kerajaan Johor.<sup>72</sup> Dalam pada itu Dato' Onn juga menggesa menentang Malayan Union. Pada 3 Januari 1946, Dato' Onn menubuhkan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor dalam pertemuan di Masjid Jamek, Batu Pahat, Johor<sup>73</sup>

Penentangan ini membawa kepada Kongres Melayu di Kelab Sultan Suleiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946. Dalam kongres ini wakil 41 pertubuhan Melayu sebulat suara menentang Malayan Union, dan menubuhkan

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR atau United Malays National Organization=UMNO).

Tentangan Raja-raja Melayu terhadap Malayan Union dimaklumkan oleh Sir Edward Gent kepada Pejabat Kolonial. Dalam pertemuan tidak rasmi di antara Raja-raja Melayu dengan Edward Gent pada 31 Mac 1946, tidak lama setelah beliau tiba di Tanah Melayu; Raja-raja Melayu memaklumkan menolak Malayan Union, dan menerima Persekutuan. Pejabat Kolonial menjawab laporan Gent bertarikh 1 April 1946 itu, dengan menyatakan tidak ada ruang bagi Raja-raja Melayu menolak Perjanjian MacMicahael.<sup>74</sup> Walaupun mendapat bantahan daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu, kerajaan British terus melaksanakan Malayan Union, dan Sir Edward Gent diisyiharkan sebagai Gabenor Malayan Union pada 1 April 1946. Dengan itu Gent mencadangkan Pejabat Kolonial mendapatkan sokongan daripada Sultan Johor. Gent yakin jika Sultan Johor menyokong, Raja-raja Melayu lain akan ikut memberi sokongan. Dengan itu Hall dari Pejabat Kolonial berbincang dengan Sultan Johor yang ketika berada di London, pada 12 April 1946. Beliau seterusnya melaporkan kepada Gent bahawa dia tidak berkeyakinan Sultan mempunyai cukup kekuatan untuk menentang arus penentangan Malayan Union, dan berkerjasama.<sup>75</sup> Dalam pada itu UMNO mencadangkan supaya Malayan Union digantikan dengan Persekutuan.<sup>76</sup>

Pada 20 Januari 1948, perbincangan mengenai Perjanjian Persekutuan di adakan di King's House, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh Raja-raja Melayu, wakil UMNO, dan British. Dalam perbincang tersebut, persetujuan dicapai, dan berikutnya Perjanjian Persekutuan ditandatangani pada 21 Januari 1948 di antara Raja-raja Melayu dengan Kerajaan British.<sup>77</sup> Sir Gerard Edward Gent bagi pihak *His Majesty* dan Raja-raja Melayu, Sultan Ibrahim Johor, Sultan Abu Bakar Pahang, Yang di-Pertuan Besar Tuanku Abdul Rahman Negeri Sembilan, Sultan Hishamuddin Alam Shah Selangor, Sultan Abdul Aziz Almu'tasim Billah Shah Perak, Sultan Badlishah Kedah, Raja Syed Putra Perlis, Sultan Ibrahim Kelantan, dan Sultan Ismail Terengganu bagi pihak diri sendiri dan pengganti menurunkan tandatangani ke atas Perlembagaan Persekutuan pada 21 Januari 1948. Berkuatkuasa perjanjian ini, gabungan negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang dan Melaka akan dikenali sebagai Federation of Malaya (atau dalam bahasa Melayu sebagai Persekutuan Tanah Melayu). Dalam Bahagian II (7) mencatatkan Pentadbir tertinggi dalam Persekutuan bergelar Pesuruhjaya Tinggi, dan perlantikannya dibuat melalui surat perlantikan yang ditandatangan dan cap *His Majesty*. Dalam pada itu Bahagian II (8) mencatatkan yang Raja-raja Melayu bersetuju menerima nasihat Pesuruhjaya Tinggi dalam semua perkara yang berkaitan kerajaan Persekutuan.<sup>78</sup> Di samping itu, antara tugas khas Pesuruhjaya Tinggi ialah melindungi hak negeri Melayu, dan hak, kuasa dan **dignity** Raja-raja Melayu, serta menjaga kedudukan khas orang Melayu, dan hak kepentingan masyarakat lain.<sup>79</sup>

Dalam Perjanjian Persekutuan 1948 mencatatkan penubuhan Majlis Raja-Raja Negeri Melayu (atau dalam bahasa Inggeris sebagai Conference of Rulers). Anggota Majlis ini adalah Raja-raja Melayu. Jika baginda Raja-raja Melayu tidak sihat, baginda oleh diwakili oleh bakal Raja atau wakil yang diperkenankan oleh Raja.<sup>80</sup> Dalam pada itu setiap negeri Melayu perlu ditubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri (atau dalam bahasa Inggeris, Council of State). Majlis ini dianggotai oleh Menteri Besar sebagai Presiden,

dan dianggotai oleh Penasihat British, Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang, Pegawai Kewangan Negeri, dan perkara lain yang tidak bercanggah dengan Undang-undang Tubuh negeri masing-masing.<sup>81</sup> Majlis juga diberi kuasa meluluskan sebarang undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu.<sup>82</sup>

Selain menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Persekutuan 1948, Raja-raja Melayu juga menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian dengan masing-masing negeri yang disebut, misal Perjanjian Perak 1948, Perjanjian Johor 1948 dan Perjanjian Terengganu 1948. Perjanjian yang ditandatangani Raja-raja Melayu ini semuanya bertarikh 21 Januari 1948, dan kandungannya sama. Manakala Sir Gerard Edward James Gent mewakili *His Majesty*. Perjanjian ini juga mencatatkan Federation adalah Federation of Malaya atau dalam bahasa Melayu Persekutuan Tanah Melayu. Perjanjian ini juga mencatatkan *His Majesty* mempunyai kuasa penuh mengawal pertahanan dan halehwal luar negeri Melayu, melindungi negeri Melayu daripada pencerobohan luar. Seiringan itu tentera *His Majesty* atau yang ditauliahkan oleh *His Majesty* bebas memasuki negeri Melayu untuk maksud tersebut. Raja-raja Melayu tidak boleh membuat perjanjian atau persetiaan, menghantar utusan politik, dan membuat hubungan politik dengan mana-mana negeri asing tanpa pengetahuan Kerajaan *His Majesty*. Selain itu Raja-raja Melayu bersetuju menerima dan menyediakan kediaman Penasihat British yang menasihat dalam semua perkara berkaitan kerajaan negeri, kecuali berkaitan agama Islam dan adat Melayu; dan menerima nasihat tersebut.<sup>83</sup>

Seterusnya pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan. Seperti mana Perlembagaan Malayan Union, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu juga memberi perhatian terhadap Raja-raja Melayu dan agama Islam. Persekutuan Tanah Melayu berdasarkan perjanjian yang ditandatangani oleh Raja Melayu dengan Raja Inggeris, Baginda King George VI. Wakil kerajaan Baginda King di Persekutuan Tanah Melayu bergelar Pesuruhjaya Tinggi mempunyai kuasa luas dalam pentadbiran. Beliau adalah pengurus Majlis Perundangan Persekutuan; mempunyai kuasa menahan undang-udang yang diluluskan oleh Majlis Persekutuan daripada menjadi undang-undang jika pada fikiran beliau wajar dan mustahak demi keamanan dan kepentingan orang ramai. Kuasa yang dimiliki itu menunjukkan Pesuruhjaya Tinggi berkuasa menjalankan pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu tanpa mematuhi keputusan dan kelulusan yang dibuat oleh Majlis Perundangan Persekutuan.<sup>84</sup>

Dalam pada itu dalam Perjanjian Persekutuan, Raja-raja Melayu menyatakan kesediaan menerima nasihat daripada Pesuruhjaya Tinggi dalam pentadbiran negeri baginda. Selain itu Perjanjian Persekutuan juga memperuntukkan penubuhan Majlis Raja-Raja. Pesuruhjaya Tinggi mesti memaklumkan dasar kerajaan Persekutuan kepada Raja-raja Melayu untuk mendapatkan pendapat baginda. Manakala Majlis Raja-Raja berhak mengetahui segala dasar yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.<sup>85</sup>

Di peringkat negeri, sebuah Majlis Perundangan Negeri dibentuk, dan hanya mempunyai kuasa meluluskan undang-undang mengenai agama Islam dan adat Melayu, serta perkara yang dibenarkan oleh Majlis Perundangan Persekutuan. Dalam itu setiap negeri Raja-raja Melayu mempunyai seorang Menteri Besar dan sebuah badan bernama Majlis Mesyuarat Negeri yang berperanan menasihat Raja dalam negeri masing-masing. Namun demikian Raja mempunyai kuasa dan hak meningkari nasihat terebut jika difikirkan wajar. Selain itu Raja-raja Melayu bersetuju mengikut Undang-undang Tubuh

dalam negeri masing-masing.<sup>86</sup> Perlu dinyatakan di sini, semua negeri dalam Persekutuan diarahkan menggubal Undang-undang Tubuh masing-masing, kecuali Johor dan Terengganu hanya mengubahsuai Undang-undang tubuh masing-masing dengan kehendak Perjanjian Persekutuan.

Perjuangan kemerdekaan diteruskan UMNO. Sementara itu pada tahun 1948, PKM, PKMM dan HISBUL MUSLIMIN diharamkan. Dengan itu, mulai 1948 hanya berdiri teguh UMNO. Walaupun Malayan Indian Congres (MIC) telah wujud sejak tahun 1945, namun begitu penglibatannya tidak menjurus kepada perjuangan politik Tanah Melayu. PKM yang diharamkan mengubah tekit dan strategi perjuangan, melancarkan pemberontakan bersenjata pada tahun 1948 dengan matlamat menubuhkan Republik Komunis Rakyat Malaya. Ancaman komunis ini menyebabkan Kerajaan Persekutuan mengisyiharkan darurat mulai tahun 1948. Persekutuan Tanah Melayu berterusan dalam darurat sehingga darurat ditamatkan pada tahun 1960.

Sementara Persekutuan Tanah Melayu berada dalam zaman darurat, gerakan berkerajaan sendiri diteruskan oleh UMNO. Namun begitu kerajaan British menetapkan dalam rundingan kemerdekaan hendaklah disertakan dengan wakil Raja-raja Melayu. Dalam pada itu kerajaan British juga menarik perhatian, Melayu, Cina dan India hendaklah menunjukkan berkerjasama dan bersatu sebelum taraf kemerdekaan diberikan.

Tekanan yang dihadapi masyarakat Cina, seringkali dikait dan dilibatkan dengan kegiatan komunis, pada tahun 1949, pemimpinan terkemuka orang Cina, antara Tan Cheng Lock menubuhkan Malayan Chinese Association (MCA). Tan Cheng Lock dipilih sebagai pemimpin MCA yang pertama. MCA diharapkan sebagai pilihan orang Cina daripada komunis; memberi bantuan kepada orang Cina, dan Kampung Baru, serta memberi jaminan keselamatan orang Cina, dan kerjasama orang Cina dengan kerajaan. MCA kemudiannya menjadi parti politik. Pada tahun 1951, pucuk pimpinan UMNO bertukar tangan. Dato' Onn meletakkan jawatan, seterusnya menubuhkan parti baru Independence of Malaya Party (IMP=Parti Kemerdekaan Malaya). Tunku Abdul Rahman mengambil alih teraju pimpinan UMNO, setelah dipilih dalam pemilihan yang berlangsung di Hotel Majesty, Kuala Lumpur. Tunku Abdul Rahman menyatakan bahawa perjuangan kemerdekaan yang akan dibawa oleh UMNO adalah mengikut Perlembagaan.

Dalam usaha ke arah kemerdekaan, kerajaan British memperkenalkan pilihan raya perbandaran pada tahun 1952. Dalam pilihan raya perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952, UMNO bergabung dengan MCA, dan berjaya dalam pilihan raya tersebut, mengalahkan antaranya IMP. Mulai dari sini usaha gabungan diteruskan, yang akhirnya UMNO-MCA bergabung sebagai Parti Perikatan. Dalam pada itu berlaku perselisihan dalam kalangan golongan agama UMNO. Perselisihan ini menyebabkan mereka yang tidak dapat meneruskan perjuangan dalam UMNO keluar dan menubuhkan parti baru, Parti Islam Se Malaya (PAS). Berikutnya pada tahun 1954, MIC pula bergabungan. Ketiga-tiga parti UMNO-MCA-MIC sebagai Parti Perikatan mencipta sejarah gemilang dalam Pilihanraya Persekutuan pertama pada tahun 1955. Parti Perikatan memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Satu kerusi di Perak, dimenangi oleh PAS. Parti Perikatan membentuk kerajaan, dan Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama.

Kini tuntutan kemerdekaan bukan lagi daripada Raja-raja Melayu dan UMNO, tetapi Raja-raja Melayu dan Perikatan, parti pemerintahan. Rundingan ke arah

kemerdekaan berjalan terus, Raja-raja Melayu tidak ketinggalan dalam rundingan ini. Apabila Tunku Abdul Rahman sebagai ketua Parti Perikatan menghantar memorandum kepada Setiausaha Tanah Jajahan Lennox Boyd pada 8 Ogos 1955 menuntut kemerdekaan dan perlantikan sebuah suruhanjaya bebas menggubal draf perlembagaan, Raja-raja Melayu berunding dengan pegawai British, dan bersetuju meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Selain itu Raja-raja Melayu berharap rundingan kemerdekaan hendaklah juga melibatkan baginda. Memorandum ini diterima oleh Lennox Boyd pada 23 Ogos 1955.

Persetujuan dicapai di antara Raja-raja Melayu dengan wakil UMNO mengenai jumlah wakil masing-masing. Kedua-duanya bersetuju masing-masing diwakili oleh empat orang. Dalam rundingan mengenai kemerdekaan pada November 1955, wakil Raja-raja Melayu: Dato' Panglima Bukit Gantang (Haji Abdul Wahab), Dato' Nik Ahmad Kamil, Dato' Mohd. Seth, dan Abdul Aziz bin Abdul Majid; wakil Perikatan: Dr. Ismail, Dato' Abdul Razak, H.S. Lee, dan V.T. Sambanthan. Manakala Setiausaha dalam rundingan ini ialah Abdul Kadir Shamsudin, dan T.H. Tan. Perbincangan berkisar di sekitar kewarganegaraan, kewangan, keselamatan, dan perkhidmatan awam. Dengan itu rombongan kemerdekaan berangkat ke London pada Januari 1956, diketuai Tunku Abdul Rahman, dan disertai juga oleh wakil Raja-raja Melayu. Rundingan berlangsung di London dari 18 Januari hingga 6 Februari 1956. Antara perkara pokok diputuskan; sebuah suruhajaya bebas akan dilantik untuk menggubal draf Perlembagaan, dan Persekutuan Tanah Melayu akan dimerdekakan pada Ogos 1957. Berikutnya satu perjanjian mengenai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani di antara wakil Raja-raja Melayu dan UMNO dengan kerajaan British. Seterusnya Tunku Abdul Rahman dan rombongan pulang ke tanah air, dan mengisyiharkan persetujuan kerajaan British memerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Padang Bandar Hilir, Melaka.

Kerajaan British melantik Suruhanjaya untuk menggubal draf perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Suruhanjaya ini diketuai oleh Lord Reid dan anggotanya, Sir Ivor Jenning, B. Malik (India – bekas Hakim Allahabad), Sir William McKell (Australia – bekas Gabenor Jeneral), dan Hakim Abdul Hamid (Pakistan). Suruhanjaya ini dikenali sebagai Suruhanjaya Reid.<sup>87</sup> Suruhanjaya ini diamanah memperakukan bentuk Perlembagaan Persekutuan yang tunggal untuk seluruh Negara yang memerintah sendiri dalam Komonwel dan diasaskan kepada demokrasi parlimen yang di dalamnya mempunyai dua dewan perundangan, dan mengambil kira kedudukan serta maruah Raja-raja Melayu sebagai Raja Berpelembagaan.

Walaupun Suruhanya ini mengambil perhatian mengenai Raja-raja Melayu dan agama Islam, tetapi tidak memasuki dalam Perlembagaan cadangan itu, Islam sebagai agama rasmi. Padahal memorandum Perikatan mengesyorkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan. Antara yang tidak menyokong cadangan Perikatan ini ialah anggota Suruhanjaya Reid dari Pakistan, Hakim Abdul Hamid. Namun demikian Hakim Abdul Hamid mengubah pendirian, menyokong agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dengan alasan ia tidak membahayakan.<sup>88</sup>

Laporan Reid ini kemukakan dan mendapat bantahan, cadangan daripada berbagai pihak. Antaranya UMNO, Raja-raja Melayu, PAS, Parti Rakyat. Kerajaan British menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja untuk meneliti cadangan yang

dikemukakan oleh Suruhanjaya Reid. Jawatankuasa ini terdiri daripada empat orang wakil Raja-raja Melayu, empat orang wakil Perikatan, Pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha Persekutuan, dan Peguam Negara, sebagai wakil Kerajaan British. Jawatankuasa ini menjalankan tugasnya dan mengambil kira hasil perbincangan dengan Raja-raja Melayu, Perikatan dan Pejabat Tanah Jajahan. Hasil persetujuan ketiga-tiga pihak; Raja-raja Melayu, Perikatan, dan Kerajaan British lahirlah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Perjanjian kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dengan kerajaan British pada 8 Ogos 1957 di King's House, Kuala Lumpur.<sup>89</sup>

Pada 31 Ogos 1957, dengan disaksikan oleh Raja-raja Melayu, dan wakil kerajaan British, Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, manakala Raja-raja Melayu kekal dengan bidang kuasa seperti tercatat dalam Perlembagaan Negeri masing-masing. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, perkara 32(1) Ketua Tertinggi Persekutuan bergelar Yang di-Pertuan Agong. Permaisuri baginda, berdasarkan Perlembagaan Persekutuan perkara 32(2) bergelar Raja Permaisuri Agong.<sup>90</sup> Jawatan Yang di-Pertuan Agong akan dipilih lima tahun sekali oleh Majlis Raja-raja. Jawatan Yang di-Pertuan Agong pertama disandang oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Abdul Rahman Ibni Tuanku Muhammad. Kini pentadbiran Persekutuan bercorak Raja Berlembagaan. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu menjalankan pentadbiran negara dan negeri di atas nasihat; Perdana Menteri bagi peringkat pusat dan Menteri Besar untuk negeri.

Perlembagaan Persekutuan 1957 menyatakan dengan jelas dalam Perkara 3(1) Islam adalah agama negara, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai dalam Persekutuan. Dalam hal ini acara agama, seperti membaca doa dalam majlis rasmi seperti menyambut ulang tahun kemerdekaan, dan pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.<sup>91</sup> Dalam pada itu tidak terdapat dalam Perlembagaan ini yang menyatakan bahawa negara sebagai sebuah Negara Islam. Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 3(2) memperuntukan ketua agama dalam negeri yang beraja adalah Raja itu sendiri. Manakala negeri yang tidak berajaya, Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua agama. Namun begitu dalam hal yang disetujui oleh Majlis Raja-Raja supaya perlaksanaan meliputi Persekutuan, Raja-raja sebagai ketua agama tiap-tiap negeri akan memberi kebenaran kepada Yang di-Pertuan Agong mewakili baginda Raja-raja Melayu.

Satu perkara yang tidak kurang juga menarik dinyatakan di sini, walaupun Islam agama rasmi negara, tetapi tidak ada seorang pun dilantik sebagai Ketua Agama Islam Persekutuan.<sup>92</sup> Yang di-Pertuan Agong di samping sebagai ketua agama negeri tanpa raja, juga ketua agama negerinya sendiri. Dengan itu agama Islam adalah urusan masing-masing negeri, dan Persekutuan tidak mempunyai kuasa eksekutif di dalam negeri berkenaan. Di tiap-tiap negeri ditubuhkan sebuah badan, Majlis Agama Islam untuk menasihati Raja-raja Melayu dalam hal berkaitan dengan agama Islam. Begitu juga Pulau Pinang dan Melaka menubuhkan Majlis Agama bagi menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam hal berkaitan agama Islam di negeri masing-masing. Sementara itu dalam usaha menyelaraskan pentadbiran agama Islam Majlis Raja-Raja Melayu

ditubuhkan pula Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam. Majlis ini ditugaskan menasihati dan memberi cadangan yang dirujuk oleh Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri, dan Majlis Agama; memberi nasihat, dengan tujuan penambahbaikan, penyelarasan pentadbiran agama Islam, dan menyelaras atau menggalakkan keseragaman dalam hukum syarak dalam perkara berkaitan hukum syarak, pentadbiran Islam, dan pendidikan Islam. Walaupun pun begitu Majlis ini tidak boleh menyentuh kedudukan, hak istimewa dan kedaulatan, serta kuasa Raja-raja Melayu dalam agama Islam dinegeri masing-masing.<sup>93</sup>

Dalam pada itu negeri juga boleh menubuhkan Mahkamah Syariah, dan bidang kuasanya terhadap orang Islam sahaja. Di samping itu perlu juga dinyatakan di sini bahawa undang-undang Islam adalah dalam bidang kuasa negeri.<sup>94</sup> Manakala di negeri pula yang menjadi ketua agama ialah Raja. Kedaulatan Raja Melayu diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957, dan 1963.

## Kesimpulan

Institusi Beraja Melayu, Kesultanan Melayu bertapak bertapak di tanah air, tanah Melayu, Kedah sudah 1884 tahun (2020-1136=1884). Institusi Beraja Melaka, bermula 1262, dan bertahan selama 249 tahun (1511-1262= 49), sebelum diserang dan ditakluki angkatan Portugis, pimpinan Alfonso de Albuquerque pada 1511. Walaupun Institusi Beraja Melaka tidak ada lagi di alam fana, pusaka berajanya terus bersebatи dan bersemadi dalam institusi beraja Malaysia hari ini. Sebatи daulat pada jiwa Raja Pemerintah menjadi punca segala kuasa dalam negeri menjelmakan kedaulatan negeri masing-masing. Naskhah Melayu menekankan sifat raja berdaulat itu mestilah, adil, pemurah, bijaksana, pemberani, dan senantiasa wakil Allah di bumi. Jika bercanggah dengan sifat ini, kerajaan menjadi lemah, sebagaimana Melaka jatuh ke tangan Portugis 1511, Sultan Mahmud mangkat pada 1699. Dari segi lain tidak dapat dinafikan manuskrip Melayu sarat pelbagai maklumat mengenai institusi beraja Melayu.

## Nota Hujung

<sup>1</sup> Ab. Razak Ab. Karim, *Warkah Raja-Raja Melayu: Struktur, Stilistik dan Nilai Estetika*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2013, hlm. 156.

<sup>2</sup> Surat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah al-Marhum Paduka Seri Sultan Abdullah Mukarram Shah kepada Gabenor Jeneral Bengal, 6 likur Zulkaedah 1225, Ahmat Adam, *Letters of Sincerity: The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824) A Descriptive Account with Notes and Translation*, Monograph 43, Puchong: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, hlm. 44-48.

<sup>3</sup> Surat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah kepada Raffles, Isnin 6 likur bulan Rabi'ul-akhir 1226, Ahmat Adam, *Letters of Sincerity: The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824) A Descriptive Account with Notes and Translation*, hlm.54.

<sup>4</sup> Sultan Perak [Sultan Mansur] kepada Raffles, Selasa, 28 haribulan Rabi'ul-awal 1226, Ahmat Adam, *Letters of Sincerity: The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824) A Descriptive Account with Notes and Translation*, hlm. 86-87.

<sup>5</sup> Surat Yang Dipertuan Muda Riau kepada Thomas Raffles, 2 haribulan Rabi'ul-akhir, 1226, Ahmat Adam, *Letters of Sincerity: The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824) A Descriptive Account with Notes and Translation*, hlm. 118-119.

- <sup>6</sup> Surat Sultan Mahmud Johor dan Pahang kepada Thomas Raffles, Jumaat pukul tiga, 9 haribulan Zulhijah 1225 (5 Januari 18110, Ahmat Adam, *Letters of Sincerity: The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824) A Descriptive Account with Notes and Translation*, hlm. 125-126.
- <sup>7</sup> Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 132,
- <sup>8</sup> "In the Higyara of our Prophet 1205 year Dalakir, on the 26<sup>th</sup> of Moon Saban on the day Ahad. Whereas on this date the writing sheweth that the Governor of Poolo Pinang Vaheel of the English Company cocluded Peace and Friendship with His Highness of Quedah, and all the great officers and Rayatts of the two countrys to live in peace by Sea and Land, to continue as long as the Sun and Moon gives light the Articles OF Agreement are". R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Second Impression, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974, hlm. 181.
- <sup>9</sup> Perjanjian 1791, di antara Kompeni Hindia Timur Inggeris yang diwakili Gabenor Pulau Pinang, Sir George Lee Baronet dengan Yaja Muda Kedah Tunku Dhiauddin. R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, hlm. 186-188. Perjanjian ini ditandatangani pada 1 Mei 1791, setelah angkatan Kedah dikalahkan oleh pasukan Kompeni di Seberang Perai. R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, hlm. 98-100.
- <sup>10</sup> Kassim Ahmad (diselenggarakan dengan pengenalan dan catatan), *Hikayat Gang Tuah (Menurut Naskhah Dewan Bahasa dan Pustaka)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975. Kassim Ahmad (dikaji dan diperkenalkan), (dengan pengenalan tambahan oleh Noriah Mohamed), *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan, 2017.
- <sup>11</sup> Abdul Rahman Haji Ismail (dirumikan), *Sejarah Melayu – The Malay Annals*, MS Raffles No. 18, The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1998.
- <sup>12</sup> W.G. Shallebear (editor), *Sejarah Melayu or Malay Annals*, cetak yang keempat, Singapore: The Malaya Publishing House, Ltd., 1950.
- <sup>13</sup> Muhammad Haji Salleh (dikaji dan diperkenalkan oleh), *Sulalat al- Salatin ya'ni Pertuturan Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- <sup>14</sup> Ahmat Adam (dikaji dan diperkenalkan oleh), *Sulalat u's-Salatin yakni per[tu]turan segala raja-raja Dialih aksara dan disunting dengan kritis, serta diberi anotasi dan Pengenalaan*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2016.
- <sup>15</sup> E.V. Kevunenkova, *Sulalat us-Salatin: Krusenstern's Malay Manuscript, Its Cultural and Historical Value*, St. Petersburg: Russian Academy of Sciences Peter The Great Museum of Anthropology and Ethnography (Kunstkammer), 2008, terlampir teks jawi.
- <sup>16</sup> A. Samad Ahmad (diselenggarakan oleh), *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
- <sup>17</sup> Muhammad Yusoff Hashim (penyelenggara), *Hikayat Melayu atau Sulalat'us-Salatin*, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 1998.
- <sup>18</sup> Virginia Matheson (dikaji dan diperkenalkan oleh), *Tuhfat al-Nafis*, karya Raja Ali Haji, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998. Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Riau-Lingga dan Daerah Takluknya 1699-1864*, Tanjungpinang-Riau: Yayasan Khazanah Melayu, 2002. Shaharil Talib, Ismail Hussein, Michiko Nakahara, Pengenalan, *Tuhfat al-Nafis Naskhah Terengganu*, jawi, Kuala Terengganu: The House of Tengku Ismail, 1991. Virginia Matheson (editor), *Tuhfat al-Nafis Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji*, *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1982.
- <sup>19</sup> Arena Wati (dikaji dan disusun kembali oleh), *Silsilah Melayu dan Bugis Raja Ali al-Haji*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1973.

- <sup>20</sup> Muhammad Yusoff Hashim (diselenggarakan oleh), *Hikayat Siak dirawikan oleh Tengku Said*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- <sup>21</sup> Hazman Hassan dan Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, *Salasilah Perlis: Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Putaka, 2020.
- <sup>22</sup> SP 9/21, Raja Kamarul-zaman bin Raja Mansur.
- <sup>23</sup> ARN/21/1, Salinan Catitan Rampaian, Rekod-rekod dan Surat-surat utusan antara tahun 1773 dan 1961.
- <sup>24</sup> Mohd Taib Osman. 2006. *Adab Raja-Raja*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, hlm. 82.
- <sup>25</sup> Mohd Taib Osman. 2006. *Adab Raja-Raja*. Hlm. 104.
- <sup>26</sup> "...adalah raja itu dikurniai Allah ta 'atala dilebihkan/daulatnya, yaitu tuahnya. Maka adalah yang bernama tuah itu banyak namanya; apabila dia duduk kepada menteri, /bertuah namanya' jika ia duduk kepada orang kebanyakan, beruntung namanya. Demikian lagi pada barang di mana /tempat yang didudukkannya oleh tuah itu, kesemuanya menjadi baik semata-mata jua adanya.istimewa pula /jika duduk tuah itu kepada raja kerajaan, maka dinamai akan dia itu berdaulat. Maka tatakalai itu srgala manusiapun /kasih sayang dan takut akan dia. Maka mereka itupun menurutlah sebarang perkataannya, dan memuji-mujilah /atas segala segala kelakuannya dan relalah segala mereka itu menerima atas segala hukumnya". Panuti, H.M. Sudjiman, *Adat Raja-Raja Melayu*, hlm. 133.
- <sup>27</sup> Panuti, H.M. Sudjiman, *Adat Raja-Raja Melayu*, hlm. 133.
- <sup>28</sup> *Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak*, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan, 1960, hlm. 26.
- <sup>29</sup> *Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*, cetakan semula, hlm. 88.
- <sup>30</sup> *Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak*, hlm. 10.
- <sup>31</sup> *Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis*, hlm. 22.
- <sup>32</sup> *Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*, hlm. 28. XXVIIIB (1), *The Constitution of the State of KELANTAN*, Jabatan Chetak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, 1963, hlm. 10.
- <sup>33</sup> Fasal 29b (1), *Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan Yang Pertama 1948 sebagaimna yang dipinda*, Kuala Lumpur: Government Press, 1958, 21.
- <sup>34</sup> PSUKNSEL 1585/1899, Rules Regarding Employment of Rajas, Atoran Aadat Istiaadat Raja-Raja Kerjaan besar dikeluarkan daripada perhimponan surat aadat Istiaadat negeri Selangor, Rio, Lingga, Johore dan Pahang.
- <sup>35</sup> Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 6508/1903, Tabal – Malay Account of Raja Bot, November 5<sup>th</sup>, 1903.
- <sup>36</sup> A. Samad Ahmad (ed.), *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966.
- <sup>37</sup> Mardiana Nordin (dikaji dan diperkenalkan), *Kenang-Kenangan Selangor Wann Muhammad Amin*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2020, hlm. 78.
- <sup>38</sup> Ibid., hlm. 73-86.
- <sup>39</sup> *Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Didalam Negeri Perak Darul Riduan*, hlm. 44-45.
- <sup>40</sup> Ibid., hlm. 45.
- <sup>41</sup> Ibid., hlm. 46.
- <sup>42</sup> W.G. Shallebear (diusahakan), *Sejarah Melayu*, hlm. 202-205.
- <sup>43</sup> Barbara Watson Andaya, *Perak: The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth Century Malay State*, hlm. 45-46. R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1974, hlm. 28.
- <sup>44</sup> Khoo Kay Kim, "Documents: The Pangkor Treaty in Malay", *Peninjau Sejarah*, Vol. 1, No. 1, June 1966, hlm. 55. Dalam versi lain, tetapi,juga fasal keenam, dinyatakan Sultan hendaklah "menuntut" nasihat dan mengikut ajarannya dalam semua perkara kcuali agama Islam dan adat Melayu. (Khoo Kay Kim, "Documents: The Pangkor Treaty in Malay", hlm. 59.
- <sup>45</sup> Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu*

- <sup>“Pada Sisi Undang-Undang”, (Jawi) Singapura: Matba’atul Ahmadiah, 1935, hlm. 78-79.</sup>
- <sup>46</sup> Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, hlm. 78.
- <sup>47</sup> Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu “Pada Sisi Undang-Undang”*, hlm. 84.
- <sup>48</sup> Ibid., hlm. 37.
- <sup>49</sup> Ibid., hlm. 84-85.
- <sup>50</sup> Mengenai hal ini, sila lihat Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu “Pada Sisi Undang-Undang”*, hlm. 93-110.
- <sup>51</sup> Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu “Pada Sisi Undang-Undang”*, hlm. 93.
- <sup>52</sup> Untuk melihat Perjanjian sepenuhnya, sila lihat Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu “Pada Sisi Undang-Undang”*, hlm. 86-92.
- <sup>53</sup> Rolland Braddell (diMelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub), *Taraf Negeri-Negeri Melayu “Pada Sisi Undang-Undang”*, hlm. 91.
- <sup>54</sup> Ibid.
- <sup>55</sup> Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, London: Allen & Unwin, 1998, hlm. 67.
- <sup>56</sup> Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai Di Terengganu 1942-1945*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996, hlm. 49.
- <sup>57</sup> Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 68.
- <sup>58</sup> SUK. Tr. 97/1361, surat tauliah kepada Sheikh Hasan bin Said al-Yamani, Pejabat Sultan Terengganu, 22 Rajab 1361 (4 Ogos 2602)
- <sup>59</sup> Abu Talib Ahmad, *The Malay Muslims, Islam and the Rising Sun: 1941-45*, MBRAS Monograph No. 34, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 2003, hlm. 209.
- <sup>60</sup> Abu Talib Ahmad, *The Malay Muslims, Islam and the Rising Sun: 1941-45*, hlm. 212-213. Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 110.
- <sup>61</sup> Abu Talib Ahmad, *The Malay Muslims, Islam and the Rising Sun: 1941-45*, hlm. 217.
- <sup>62</sup> Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 111.
- <sup>63</sup> Abu Talib Ahmad, *The Malay Muslims, Islam and the Rising Sun: 1941-45*, hlm. 225-227.
- <sup>64</sup> SUK. Tr. 78/1362, “Kenyataan Military High Commissioner Tentera Darat Thai Perkara Me[n]ghadkan Kekuasaan Pemerintahan dan Tanggungan Rakyat-Rakyat Negeri”, Military High Commissioner, 19 Tulakum sanat 2486.
- <sup>65</sup> Simon C. Smith, *British Relations with the Malay Rulers From Decentralization to Malayan Independence 1930-1957*, Singapore: Oxford University Press, 1995, hlm. 46.
- <sup>66</sup> DO 118/297, Malay States Agreement of 1945.
- <sup>67</sup> H.P. Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995, hlm. 5.
- <sup>68</sup> T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, *The Times*, 23 January 1946.
- <sup>69</sup> T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, MALAYAN UNION AND SINGAPORE Statement of Policy on Future Constitution, January 1946, hlm. 3.
- <sup>70</sup> T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, MALAYAN UNION AND SINGAPORE Statement of Policy on Future Constitution, hlm. 4.
- <sup>71</sup> T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, “MALAYAN UNION AND SINGAPORE Summary of Propesed Constitutional Arrangements”, March 1946, hlm. 5; Statutory Rules and Orders 1946 No. 463 FOREIGN JURIDICTION The Malayan Union Order in Council, 1946. At theCourt at Buckingham Palace, the 27<sup>th</sup> day of Mach, 1946, hlm. 13: 21.
- <sup>72</sup> Ramlah Adan, “Dr. Hamzah Hj Taib (1900-1956)”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bilangan 19, 1991,

hlm. 11.

<sup>73</sup> Shaharom Hussain, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Jaafar*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985, hlm. 154; Ramlah Adam, "Pergolakan Politik di Johor 1946-1948", *JEBAT*, Bil. 19, 1991, hlm. 86; Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar*, Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd., 1987, hlm. 15; Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, 74-75; Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", hlm. 26.

<sup>74</sup> Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1946-1948*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 151.

<sup>75</sup> Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1946-1948*, hlm. 153.

<sup>76</sup> Ibid., hlm. 188.

<sup>77</sup> Mengenai tentang terhadap Malayan Union dan pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu, sila lihat Ramlah Adam, "Perjuangan UMNO Menentang Malayan Union dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957", Abu Bakar Hamid, Abdullah Zakaria bin Ghazali, Ramlah Adam et-al, *UMNO Johor 50 Tahun: Memerintah Bangsa Melayu*, 43-58.

<sup>78</sup> DO 118/298, Federation of Malaya Agreement, 1948, Part II, The High Commissioner, hlm. 7.

<sup>79</sup> DO 118/298, Federation of Malaya Agreement, 1948, Part III, Federal Executive Authority. The High Commissioner, 19 (1) (a) the protection of the rights of any Malay States or any Settlements and of the the rights, powers and dignity of Their Highnesses the Rulers;... 19 (1) (d) the safeguarding of the special position of the Malays and of the legitimate interests of other communities;..., hlm. 10.

<sup>80</sup> DO 118/298, Federation of Malaya Agreement, 1948, Part VI, perkara 67 dan 68, hlm. 27.

<sup>81</sup> DO 118/298, Federation of Malaya Agreement, 1948, Majlis Meshuarat Negri or Council of State, 97(1) dan 97 (2), hlm. 34.

<sup>82</sup> 100 (1) Subject to the provision of this Agreement, it shall be lawful in each Malay State for the Council of State to pass laws on (a) any subject, including the Muslim religion or the Custom of the Malays, other than those in respect to which the Legislative Council has power, under the Clause 48 of this Agreement, to pass laws;..., hlm. 35. Klaus 48, Subject to the provision of this Agremeent, it shall be lawful for the High Commissioner and Their Highnesses the Rulers, with the advice and consent of the Legislative Council, to make laws for the peace, order and good government of the Federation with respect to the matters set out in the Second Schedule to this Agreement and subject to any qualifications therein. DO 118/298, Federation of Malaya Agreement, 1948, Part V. Legislation and Procedure in Legislative Council, hlm. 22.

<sup>83</sup> DO 118/298, The Johore Agreement 1948; The Perak Agreement 1948; The Selangor Agreement 1948; The Perlis Agreement 1948; The Kedah Agreement 1948; The Negeri Sembilan Agreement 1948; The Pahang Agreement 1948; The Trengganu Agreement 1948; The Kelantan Agreement 1948.

<sup>84</sup> Mohd. Salleh Abas, *Sejarah Perlembagaan Malaysia*, (cetakan kedua) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 27.

<sup>85</sup> Ibid., hlm. 28.

<sup>86</sup> Ibid. Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor dizahirkan pada tahun 1895; manakala Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu dizahirkan pada tahun 1911.

<sup>87</sup> Joseph M. Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, MBRAS Monograph No. 31, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 2002, hlm. 104-106.

<sup>88</sup> Ibid., hlm. 129.

<sup>89</sup> Ramlah Adam, "Perjuangan UMNO Menentang Malayan Union dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957", hlm. 87.

<sup>90</sup> *Laws of Malaysia – Federal Constitution*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad,

2002, hlm. 35.

<sup>91</sup> Muhammad Kamil Awang, *Sultan & Perlembagaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hlm. 177.

<sup>92</sup> Ibid., hlm. 177.

<sup>93</sup> Ibid., hlm. 179.

<sup>94</sup> Ibid., hlm. 181.